





● BIL 318 ● 20 - 26 JUN 2025 ● PP1944/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



INISIATIF STRATEGIK MENDEPANI *KRISIS, BENCANA*

Mengindahkan
bangunan bersejarah
>> 8

Bau asap
bangkit selera
>> 14

Bila udara jadi racun:
Siapa bertanggungjawab?
>> 15

▶▶ 2-3

TIGA UNIT PRIME AKAN DIBANGUNKAN

SISTEM Komunikasi Radio dan Internet Bersepadu Bergerak (PRIME) telah direka dengan keupayaan untuk menggabungkan jalur lebar (*bandwidth bonding*) daripada sambungan satelit dan rangkaian selular bagi membolehkan capaian Internet berkelajuan tinggi disediakan dengan lebih stabil dan efisien.

Menteri Komunikasi, **Datuk Fahmi Fadzil** berkata liputan Internet itu boleh mencapai sejauh 150 meter di sekeliling kenderaan PRIME dengan sokongan titik capaian Wi-Fi (*Wi-Fi Access Point*) yang berfungsi untuk memperluas jangkauan apabila perkhidmatan diperlukan.

"Selain itu, PRIME turut dilengkapi dengan sistem radio mudah alih yang membolehkan komunikasi di kawasan yang langsung tiada liputan atau apabila rangkaian terganggu.

"Bagi memperluas liputan kawasan operasi, PRIME juga menggunakan teknologi Wi-Fi jejaring (*mesh Wi-Fi*) serta sokongan dron untuk memanjatkan isyarat Wi-Fi.

"Keseluruhan sistem PRIME ini dikuasakan oleh bateri berkapasiti tinggi dan disokong oleh bekalan kuasa utama bagi memastikan operasi yang berterusan tanpa gangguan," katanya.

Selain itu, katanya sebanyak tiga unit PRIME akan dibangunkan secara berperingkat sepanjang tahun ini yang mana unit pertama akan ditempatkan di ibu pejabat MCMC bagi menyokong

operasi di Semenanjung.

"Dua unit lagi akan disiapkan menjelang akhir tahun ini dan ditempatkan di pejabat MCMC di Sabah dan Sarawak. Ia melibatkan kos sebanyak RM1 juta bagi setiap unit," katanya.

Dalam pada itu, Fahmi turut menjelaskan selain peranannya dalam pengurusan bencana dan kecemasan, PRIME juga boleh dimanfaatkan bagi menyokong program jangkauan komuniti termasuklah Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) yang berfungsi sebagai hab digital kepada komuniti setempat.

"Dengan wujudnya PRIME, NADI dapat beroperasi sebagai pusat digital bergerak yang membolehkan akses Internet dibawa terus ke kawasan sasaran komuniti setempat.

"Inisiatif ini memperluas capaian perkhidmatan digital dan memudahkan pelaksanaan pelbagai aktiviti kemasyarakatan sekali gus perkukuh penyampaian maklumat yang lebih inklusif dan responsif.

"Ini merupakan satu langkah strategik ke arah mewujudkan ekosistem komunikasi yang lebih menyeluruh dan berperanan sebagai pemangkin kepada transformasi digital masyarakat selaras aspirasi negara untuk memastikan tiada golongan masyarakat yang tercicir daripada arus pembangunan negara," jelasnya.

Fahmi berkata inisiatif ini bukan hanya menandakan satu pencapaian penting dalam usaha memperkasa landskap komunikasi negara malah mencerminkan komitmen bersama dalam memastikan kelangsungan komunikasi dalam apa jua keadaan.

"Lebih dari itu, PRIME turut berperanan sebagai pemangkin kerjasama strategik antara MCMC dengan pelbagai agensi termasuk Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) serta pihak yang berkepentingan khususnya ketika berhadapan dengan bencana atau situasi kecemasan.

"Saya harap keupayaan untuk bertindak secara tangkas, selaras dan bersepadu melalui platform komunikasi seperti PRIME mampu memberi impak yang besar dalam melindungi nyawa dan menyelamatkan harta benda," katanya.

Sementara itu, Fahmi berkata MCMC juga akan diminta untuk meneliti penggunaan PRIME selepas sesuatu tempoh, bertujuan mengkaji ruang penambahbaikan dan aspek kesesuaian PRIME.

"Kita jangkakan mungkin pada Oktober ini kita boleh laksanakan beberapa *dry run*, *test run* bersama dengan pasukan terutama di negeri-negeri yang akan berdepan dengan Monsun Timur Laut dan bagaimana persiapan kepakaran yang dilakukan," katanya. 📡



FAHMI dan tetamu kehormat bergambar di hadapan kenderaan PRIME.



ANTARA teknologi yang melengkapi PRIME bagi tujuan operasi.



INFOGRAFIK PRIME



Sokong operasi bantuan MCMC, pasukan penyelamat

PRIME TINGKAT SIAP SIAGA KOMUNIKASI KETIKA BENCANA

DIANA AMIR

Foto: SHUAIB AYOB

Video: HASIF HALIM

DALAM usaha meningkatkan tahap kesiapsiagaan dalam berhadapan dengan situasi bencana dan kecemasan di tempat awam, Sistem Komunikasi Radio dan Internet Bersepadu Bergerak (PRIME) telah dilancarkan.

Menteri Komunikasi, **Datuk Fahmi Fadzil** berkata ia adalah satu inisiatif strategik Kementerian Komunikasi menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Fahmi berkata perkhidmatan komunikasi kini merupakan sebahagian daripada keperluan asas yang penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan kemajuan masyarakat.

“Namun begitu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini kita telah saksikan peningkatan krisis dan bencana sama ada bersifat semula jadi seperti banjir atau tanah runtuh yang banyak dipengaruhi oleh kesan perubahan iklim global mahupun bencana buatan seperti kebakaran atau gangguan teknikal.

“Situasi ini kadangkala turut menjejaskan perkhidmatan komunikasi sedangkan pada saat itulah komunikasi merupakan aspek paling kritikal.



FAHMI (tengah) ketika merasmikan PRIME di Cyberjaya.

“Maka PRIME dibangunkan sebagai sistem strategik untuk memastikan keupayaan komunikasi semasa operasi dapat diteruskan,” katanya ketika berucap merasmikan PRIME di ibu pejabat MCMC pada Isnin.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi Md Isa; Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA),

Datuk Abdul Halim Hamzah dan Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din.

Fahmi berkata PRIME merupakan sistem komunikasi bersepadu yang direka khusus untuk menyokong operasi bantuan oleh MCMC serta pasukan penyelamat ketika situasi kecemasan dan bencana.

“PRIME bukan sekadar sebuah kenderaan. PRIME merupakan



SEKITAR sesi walkabout ketika majlis peluncuran sistem tersebut.

sistem komunikasi bersepadu bergerak yang menggabungkan pelbagai teknologi seperti satelit, selular, radio mudah alih, Wi-Fi dan dron.

“PRIME berkeupayaan menyediakan ketersambungan komunikasi yang boleh dipercayai dan fleksibel mengikut keperluan operasi di lokasi yang mencabar.

“Dalam keadaan liputan komunikasi sedia ada yang

terganggu atau terbatas, PRIME membolehkan komunikasi kritikal diteruskan bagi tujuan koordinasi penyelamat, pengurusan bantuan serta penyampaian maklumat bersama agensi terlibat.

“Hal ini amat penting bagi memastikan tindak balas yang pantas dan berkesan dapat dilaksanakan walaupun di kawasan terpencil atau sukar liputan,” katanya.



PRIME turut dilengkapi dengan pelbagai teknologi termasuk dron.

IMBAS
KOD QR
UNTUK
MENONTON
VIDEO



Pelaksanaan peluasan SST bermula 1 Julai

IMPLIKASI HANYA KEPADA GOLONGAN KAYA

'PANAS' dan kecoh minggu ini isu Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Apa yang tidak sedap didengar apabila terdapat segelintir warganet mendakwa kerajaan sengaja mahu membebankan rakyat dengan pelaksanaan peluasan SST pada Julai ini.

Kata mereka kerajaan hanya pandai kerah keringat rakyat disebabkan pentadbiran negara yang gagal menguruskan ekonomi dengan baik.

Kegagalan dan ketidakcekapan kerajaan mengurus ekonomi akhirnya rakyat yang kena tanggung, kata mereka. Ia sekadar mahu menutup kelemahan kerajaan apabila ekonomi jatuh merudum.

Menurut mereka lagi rakyat masih merasai keperitan akibat kenaikan kadar SST dari enam kepada lapan peratus serta kenaikan harga diesel yang dilaksanakan pada tahun lalu.

Berikutan itu, terdapat suara-suara yang menggesa pelaksanaan semula GST berbanding SST.

Tahukah anda? Sebenarnya kerajaan mempertahankan tindakan memperluas skop SST sebanyak lima peratus ke atas barangan pilihan tertentu termasuk buah-buahan import.

Perdana Menteri, Datuk Seri



ANWAR beramah mesra bersama orang ramai ketika merasmikan Program MADANI Rakyat 2025 di Lumut, Perak.

Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan berkata pelaksanaan GST akan menyebabkan semua rakyat tanpa terkecuali termasuk golongan miskin dikenakan cukai.

Menurutnya ia berbeza berbanding SST yang baharu diperluas dan disifatkan memberi kesan kepada rata-ratanya golongan kaya.

"Fahami ekonomi sedikit yang GST menyebabkan semua perlu bayar cukai. Itu memang sistem baik sebab memang senang cukaikan semua orang, tetapi saya nak tanya, hendak dicukaikan

jugakah nelayan, pekebun kecil, pekerja bawahan, tukang cuci jalan dan sebagainya?"

"Oleh sebab itu kita kata belum bersedia dengan GST, kalau esok ekonomi kita meningkat, gaji minimum semua RM4,000 ke atas, cukailah GST pun, sekarang ini belum," katanya.

Anwar juga menjelaskan kekeliruan terhadap sistem SST ini menyebabkan timbulnya salah faham dan akhirnya mengkritik usaha kerajaan untuk memberi manfaat kepada seluruh rakyat di negara ini.

"Ada yang sampai marah, mengamuk bila anggap kita kenakan SST ini terhadap mereka yang susah payah tanam pisang di Lumut ini (tempatan).

"Sedangkan ia (dikenakan SST) adalah pisang import. Pisang emas, pisang awak, pisang rastali, pisang berangan yang di sini (tempatan) tidak dicukai.

"Buah import seperti avokado, ia mahal sebab buah import dan kalau awak orang berpendapatan tinggi, orang kaya nak makan avokado, makanlah tetapi bayarlah lebih sedikit (SST).

"Begitu juga (umpamanya) bagi ikan kod yang diimport dari Alaska. Ia ikan mahal jadi kita cukai SST," katanya.

Anwar berkata demikian ketika berucap merasmikan Program MADANI Rakyat 2025 Perak di Lumut Waterfront, baru-baru ini.

Terdahulu, akhbar melaporkan peluasan skop SST oleh Kementerian Kewangan merangkumi cukai jualan sebanyak lima peratus ke atas semua buah import berkuat kuasa 1 Julai ini.

Selain buah-buahan import, barangan pilihan tertentu seperti 'king crab', salmon, kod, cendawan truffle, *essential oil*, kain sutera dan jentera industri akan dikenakan cukai jualan sebanyak lima peratus.



Tuduhan 'reformati' ditepis

KEBELAKANGAN ini, buka sahaja media sosial, terdapat segelintir warganet menggelar reformasi yang dibawakan Kerajaan MADANI sebagai 'reformati'.

Menurut mereka setelah lebih kurang tiga tahun mentadbir negara, kerajaan gagal 'membahagiakan' rakyat sebaliknya terus memberi tekanan.

Nampaknya, tuduhan 'reformati' itu adalah fitnah semata-mata apabila Malaysia kini berada di kedudukan membanggakan dalam laporan Penarafan Daya Saing Dunia (WCR) 2025. Ini menunjukkan usaha reformasi Kerajaan MADANI sedang membuahkan hasil.

Laporan terkini WCR 2025 menunjukkan Malaysia melonjak 11 anak tangga daripada tempat ke-34 pada 2024 kepada kedudukan ke-23, juga merupakan pencapaian terbaik negara sejak 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan menegaskan bahawa prestasi memberangsangkan Malaysia dalam perdagangan, kecekapan pentadbiran dan persekitaran pelaburan menjadi asas kukuh kepada kemajuan ekonomi yang inklusif serta mampan.

"Kita buktikan Malaysia mampu

melonjak jauh dengan tekad politik, iltizam seluruh jentera kerajaan dan kerjasama erat sektor swasta.

"Pencapaian ini milik semua rakyat Malaysia. Ia adalah antara asas penting dalam perjalanan kita untuk meletakkan negara ini dalam kelompok ekonomi paling berdaya saing menjelang 2033 demi masa depan yang lebih cerah untuk anak-anak kita," kata Anwar dalam catatan terbaru di laman Facebook beliau, baru-baru ini.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz pula berkata peningkatan daya saing negara sebanyak 11 anak tangga itu mencerminkan kemampuan industri tempatan yang penting untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terpilih.

"Pendekatan kerajaan untuk meningkatkan daya saing berdasarkan prinsip 'whole of government' juga membuktikan kesungguhan kita dalam memacu penambahbaikan dan pembaharuan struktur di Malaysia secara menyeluruh," katanya.

Mengulas lanjut, Tengku Zafrul berkata ekonomi negara berada pada peringkat pembaharuan yang berterusan, serta mengukuhkan hala tuju untuk berada dalam



kelompok 12 ekonomi paling berdaya saing sebelum 2033.

"Kedudukan keseluruhan dipacu oleh peningkatan dalam tiga faktor iaitu prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan dan kecekapan perniagaan.

"Faktor prestasi ekonomi

meningkat empat anak tangga ke kedudukan keempat terbaik berbanding tempat kelapan tahun lepas. kecekapan kerajaan dan kecekapan perniagaan keduanya meningkat lapan anak tangga," katanya.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

31/5 - 29/6/25: Festival Orkestra Kuala Lumpur @ Kuala Lumpur

28 - 29/6/25: Panggung Seni Tradisional 2025 @ MATIC KL

21/4 - 31/8/25: Pameran Semangat Asean @ Muzium Negara



PUTRAJAYA

5/7/25: Ecotrail Putrajaya

2/8/25: Larian MAPPA XX 2025 Putrajaya @ Dataran Putrajaya

22/10/25: Sambutan Hari Penguatkuasa PPJ @ Dataran Putrajaya



LABUAN

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26-28/9/25: Borneo Art Festival @ Ujana Kewangan

19/11/25: Remembrance Day @ War Memorial

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**



Mempersembahkan

FESTIVAL ORKESTRA KUALA LUMPUR

31 Mei-29 Jun
2025

Menampilkan:

Orkestra Kuala Lumpur
China Philharmonic Youth Orchestra
Siam Sinfonietta
Tokyo Symphony Orchestra
Marktoberdorf Youth Wind Orchestra
dan banyak lagi..

IMBAS UNTUK PENDAFTARAN
DAN MAKLUMAT LANJUT



KL Strike Force gempur isu dadah

KERAJAAN mengarahkan KL Strike Force untuk mengetuai tindakan menyeluruh dalam menangani isu penyalahgunaan dadah yang semakin membimbangkan di Wilayah Persekutuan, termasuk taktik baharu menggunakan peranti *vape* sebagai medium penyaluran bahan terlarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** berkata arahan itu dikeluarkan susulan dapatan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri (JKKN) Wilayah Persekutuan yang beliau pengerusikan pada Selasa.

Katanya peningkatan kes penyalahgunaan dadah, terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah, merupakan ancaman yang perlu ditangani segera melalui kerjasama strategik antara agensi penguat kuasa, institusi pendidikan, komuniti dan pakar kesihatan awam.

“Modus operandi baharu seperti penggunaan *vape* sebagai medium pengedaran bahan terlarang sangat membimbangkan. Ia menyusup ke ruang kehidupan generasi muda secara halus dan sukar dikesan,” katanya.

Menurut Zaliha KL Strike



ZALIHA ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri (JKKN) Wilayah Persekutuan.

Force akan dipacu sebagai badan penyelaras utama, dengan pendekatan bersepadu yang melibatkan aspek penguatkuasaan,

pencegahan, pemulihan dan pendidikan awam.

Mengulas tahap keselamatan secara keseluruhan, beliau

memaklumkan bahawa keadaan di Wilayah Persekutuan masih stabil dan terkawal berdasarkan taklimat yang diterima, namun mengingatkan

semua pihak agar tidak leka.

“Keamanan yang kita kecapi hari ini bukan jaminan untuk esok. Ia menuntut iltizam yang konsisten, respons yang tangkas dan sinergi yang mantap antara semua agensi,” katanya.

Tambah beliau keselamatan adalah refleksi kepada keutuhan masyarakat dan kecekapan dasar yang digerakkan kerajaan dalam mencorak bandar raya yang berdaya tahan.

Zaliha turut merakamkan penghargaan kepada semua pasukan keselamatan dan penguat kuasa atas komitmen berterusan dalam menjaga ketenteraman awam di Wilayah Persekutuan.

“Keselamatan adalah amanah bersama. Usaha untuk mempertahankannya tidak boleh bersifat reaktif semata-mata, tetapi mesti dilaksanakan secara strategik, bersinergi dan berterusan,” tegasnya.

Mesyuarat JKKN turut menilai trend jenayah bandar, Indeks Keselamatan Kebangsaan (IKK) serta cabaran baharu dalam ekosistem keselamatan bandar yang memerlukan tindakan lebih menyeluruh oleh kerajaan. 

Dengar suara komuniti, kukuh tadbir urus

DIALOG BANDAR RAYA DIPERLUAS

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperkukuh komitmen untuk mendekatkan diri dengan rakyat apabila mengumumkan peluasan Dialog Bandar Raya 2025 ke semua 11 kawasan Parlimen di ibu kota, bermula Jun hingga November tahun ini.

Inisiatif ini diangkat sebagai platform utama untuk mendengar suara komuniti, memperhalusi dasar serta memperkukuh tadbir urus responsif dan inklusif.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata pendekatan turun padang melalui konsep ‘Management by Walking Around’ ini bukan sekadar simbolik, tetapi suatu bentuk komitmen jitu untuk mendengar, memahami dan bertindak secara kolektif terhadap isu setempat.

“Kita tidak mahu isu rakyat hanya dibincangkan dari bilik pejabat. Pendekatan ini mendekatkan DBKL dengan komuniti. Ia bukan sekadar ruang ucapan, tetapi ruang penyelesaian,” tegasnya ketika merasmikan siri pertama program berkenaan di Kompleks Sukan Bandar Tun Razak.

Hadir sama, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin yang mewakili Ahli Parlimen Bandar Tun Razak.

Maimunah turut menjelaskan bahawa Dialog Bandar Raya 2025 merupakan kesinambungan daripada kejayaan siri Temu@



MAIMUNAH ketika berucap pada program Dialog Bandar Raya 2025 yang dimulakan di Parlimen Bandar Tun Razak.

DBKL yang dianjurkan pada 2024 di kesemua kawasan Parlimen, namun kini digerakkan dalam skala yang lebih terfokus dan tersusun.

Antara pengisian utama program ini termasuk sesi *townhall* bersama Datuk Bandar, Ahli Parlimen serta pengurusan tertinggi DBKL, selain kehadiran wakil agensi kerajaan berkaitan.

Ia membuka ruang rakyat berinteraksi secara langsung dalam membincangkan permasalahan dan cadangan penambahbaikan kawasan masing-masing.

Turut disediakan ialah pelbagai pengisian sampingan seperti Pameran Program Perdana DBKL,

Inisiatif LA21 (*Clean & Green*), Pameran Kuala Lumpur Sifar Sisa (*Zero Waste*) serta Kaunter Adu@KL bagi membolehkan warga kota menyalurkan aduan secara terus. Program ini turut disertai pelbagai lapisan masyarakat termasuk badan bukan kerajaan (NGO), persatuan penduduk, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan rakan strategik tempatan.

Datuk Bandar turut menegaskan bahawa inisiatif ini berlandaskan prinsip Malaysia MADANI yang mengangkat keterangkuman, kemanusiaan dan tadbir urus berintegriti.

Perkara itu sejajar dengan

Visi C.H.A.S.E (*Cleanliness, Health, Advance, Safe & Eco-friendly*) dan menyokong pelaksanaan 15 Program Flagship DBKL yang memberi tumpuan kepada pembangunan terancang, keterangkuman masyarakat, bandar hijau dan tadbir urus progresif.

Selain itu, antara program sampingan menarik termasuk cabutan bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah seperti basikal, skuter dan barangan elektrik sebagai insentif kepada penyertaan komuniti.

“Kuala Lumpur bukan sahaja bandar untuk didiami, tetapi bandar untuk dicintai. Kita mahu menjadikan kota ini bukan sekadar ‘liveable’,

tetapi ‘loveable’ - bersih, selamat, lestari dan membanggakan,” kata beliau menutup ucapan.

Sementara itu, Azman berkata pengajuran dialog ini memberi peluang kepada penduduk di Bandar Tun Razak menyampaikan cadangan, masalah dan keluh kesah secara langsung kepada Datuk Bandar.

“Selama 60 minit penduduk Bandar Tun Razak berkongsi pelbagai masalah dan cadangan tetapi waktu masih tidak cukup. Oleh itu, Datuk Bandar hari ini akan memberi jaminan bahawa setiap soalan yang bertulis akan dijawab,” katanya. 



AZLAN ZAMBRU

KERAJAAN akan meneliti semula aspek perundangan berkaitan pelupusan kenderaan terbiar di Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur dan Putrajaya susulan peningkatan ketara aduan awam terhadap isu itu saban tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** berkata Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah diarahkan untuk segera mengkaji kelompungan undang-undang sedia ada serta merangka cadangan penyelesaian yang menyeluruh.

“Di Kuala Lumpur sahaja, kita terima lebih 2,500 aduan awam setiap tahun berkenaan kenderaan terbiar. Ia bukan angka kecil dan tidak wajar dibiarkan mencacatkan wajah bandar raya,” katanya selepas mengadakan lawatan ke Car Medic Sdn Bhd, pusat rawatan automotif berlesen yang menjalankan pelupusan kenderaan lucut hak, baru-baru ini.

Antara kekangan perundangan yang dikenal pasti termasuk kenderaan terbiar yang ditinggalkan di premis swasta tidak boleh ditunda oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) selain kenderaan yang telah lama ditempatkan di depot PBT tidak dapat dilupuskan kerana kekangan

JWP, JPJ diminta gubal kaedah pelupusan kenderaan terbiar 2,500 ADUAN DITERIMA



ZALIHA ketika melawat pusat pelupusan kenderaan lucut hak, Car Medic Sdn Bhd.

undang-undang hak milik dan pelupusan.

Justeru, Zaliha menegaskan sudah tiba masanya satu mekanisme

pelupusan yang pantas, sistematik dan lestari digubal, sejajar dengan keperluan bandar raya yang bersih, selamat dan mesra komuniti.

Lawatan ke pusat pelupusan itu katanya juga memberi gambaran jelas terhadap proses pelupusan yang boleh dilakukan secara teratur

serta mampan, termasuk kitar semula komponen yang masih boleh digunakan.

Dalam masa yang sama, beliau menggalakkan pemilik kenderaan yang ingin melupuskan kenderaan secara sukarela untuk hadir ke pusat rawatan automotif berlesen yang diiktiraf kerajaan.

“Proses ini mudah dan telus. Pemilik akan menerima bayaran tunai bergantung kepada keadaan kenderaan. Ia juga membantu mengurangkan jumlah kenderaan terbiar di kawasan awam dan kediaman,” jelasnya.

Isu kenderaan terbiar bukan hanya menjejaskan estetik persekitaran, malah menjadi punca kepada masalah keselamatan, gangguan laluan trafik, pembiakan vektor penyakit dan pencemaran alam sekitar.

Langkah penyelarasan semula undang-undang pelupusan ini adalah sebahagian daripada iltizam Kerajaan MADANI untuk mewujudkan bandar raya berdaya huni, progresif dan lestari dalam jangka masa panjang.



DELEGASI YWP diketuai Abdul Basir ketika kunjungan hormat ke atas AIBIM.

Tingkat ekonomi warga kota

SELAIN memberi fokus terhadap pendidikan anak-anak golongan berpendapatan rendah (B40), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) turut memperkasa peranannya membantu dari aspek ekonomi warga kota.

Justeru pelbagai program telah diadakan dalam meningkatkan ekonomi rakyat dan satu kunjungan hormat diadakan ke The Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia (AIBIM) baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V Kunhimohamed**, ia membuktikan bahawa YWP sentiasa menyokong kemajuan warga kota melalui inisiatif yang lebih berkesan dan berimpak tinggi.

“Kunjungan ini membuka ruang kerjasama strategik antara YWP dan AIBIM dalam usaha memperkasa pembangunan komuniti dan pemerikasaan ekonomi ummah,” katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Basir berkata YWP pernah menganjurkan pelbagai program usahawan dalam usaha meningkatkan ekonomi warga kota.

“Antaranya seperti Program Pembangunan Usahawan Muda Kota (UMK), program bersama TikTok Shop dan banyak lagi.

“Diharapkan dengan kerjasama baharu bersama AIBIM dapat membuka peluang baharu buat warga Wilayah Persekutuan meningkatkan lagi taraf ekonomi mereka menerusi program-program yang akan diadakan,” katanya.

Abdul Basir berkata perjumpaan tersebut turut melibatkan wakil 13 buah bank atau institusi kewangan lain.

“Dalam sesi perjumpaan tersebut, mereka turut menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan YWP dalam pelbagai bidang kebajikan dan pendidikan.

“Ini jelas menunjukkan bahawa YWP sentiasa mengalu-alukan semua pihak kerajaan mahupun swasta yang ingin berkerjasama dalam membantu meningkatkan taraf hidup warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan,” katanya.

Tuisyen percuma B40

KIRA-KIRA 42 orang pelajar menerima manfaat menerusi Program Teach the Needs 8.0 anjuran Sekretariat Kesukarelawanan dan Pengantarabangsaan, Majlis Perwakilan Kolej (MPK), Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee, Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Menurut Pengarah Program, **Khoo Xue Hui**, program yang diadakan selama dua hari di Program Perumahan Rakyat (PPR) Ukay Indah itu bertujuan menyokong pendidikan anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) di kawasan berkenaan.

“Seramai 37 sukarelawan dalam kalangan mahasiswa UPM turun padang bagi menjalankan sesi pembelajaran bersama pelajar berumur antara tujuh hingga 12 tahun.

“Kelas-kelas yang diadakan bermula seawal pukul 9 pagi dan meliputi subjek bahasa Inggeris, Sains dan Matematik,”

katanya.

Xue Hui berkata program ini bukan hanya tertumpu kepada aspek pembelajaran akademik semata-mata, tetapi bertujuan merapatkan jurang akses kepada pendidikan dan memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa. “Kami mahu anak-anak ini tahu bahawa mereka mampu mencapai apa yang mereka impikan, dan sokongan kecil seperti ini boleh jadi titik mula kepada kejayaan mereka.

“Usaha ini juga m e l a m b a n g k a n

komitmen UPM terhadap tanggungjawab sosial dan diharap mampu mencetuskan lebih banyak inisiatif seumpamanya oleh institusi lain di masa akan datang,” katanya.

Terdahulu program tersebut turut mendapat kerjasama daripada Kembara Kitchen, Santapan, Hari-Hari, Vida, Free Malaysia Today dan Asian News Today yang membantu melancarkan program serta memperluas capaian dan kesedaran masyarakat terhadap inisiatif pendidikan ini.



ANTARA kanak-kanak yang mengikuti tuisyen percuma anjuran UPM.

KU SEMAN KU HUSSAIN

Di sebalik bangunan moden yang menjadi lambang pembangunan dan kemodenan Kuala Lumpur, bandar raya itu juga mempunyai beberapa bangunan antik tinggalan penjajah menjadi ikonik pada zamannya. Tanpa menafikan bangunan moden dan ikonik seperti Menara Berkembar Petronas, TRX dan Menara 118, bangunan antik berperanan sebagai tanda sejarah.

Disebabkan hal itu, bangunan antik terutama yang berusia lebih 100 tahun di Kuala Lumpur bukan sahaja perlu dipulihara, malah dimanfaatkan ruangnya oleh agensi kerajaan atau pihak swasta.

Bangunan-bangunan itu tidak sahaja bernilai dari sudut seni bina, malah turut terkait dengan sejarah di negara ini. Sejarah pendudukan

penjajah hingga menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat pentadbiran yang penting.

Beberapa bangunan antik yang perlu diberi perhatian dan pulihara adalah Bangunan Sultan Abdul Samad, Muzium Tekstil, bangunan bekas ibu pejabat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Stesen Kereta Api Kuala Lumpur. Hotel Majestic yang tidak jauh dari situ telah dibangunkan semula oleh pihak swasta.

Walaupun bekas ibu pejabat KTMB masih digunakan tetapi terdapat banyak ruang yang masih kosong apabila operasi pentadbiran KTMB berpindah ke premis lain. Begitu juga dengan Stesen Kereta Api Kuala Lumpur yang hanya berperanan sebagai stesen kecil komuter. Banyak bahagian daripada bangunan itu kelihatan agak terbiar apabila semua perkhidmatan kereta api berpindah ke Kuala Lumpur Sentral.

Pada 1984, Mahkamah Persekutuan ditempatkan di Bangunan Sultan Abdul Samad. Selepas mahkamah dipindah ke Jalan Duta, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya pula ditempatkan di bangunan berkenaan. Walau bagaimanapun lebih 10 tahun lalu bangunan itu kosong apabila kementerian berkenaan dipindahkan ke Putrajaya.

Kalau menyusur sepanjang Jalan Tun Perak, kita tentu dapat melihat keadaan bangunan Sultan Abdul Samad yang daif. Namun pemandangan yang kurang cantik itu dijangka berakhir apabila projek pengindahan di sekitar Bangunan Sultan Abdul Samad dimulakan tidak lama lagi.

MENGINDAHKAN BANGUNAN BERSEJARAH



USAHA DBKL memulihara bangunan antik di ibu negara wajar disokong semua pihak khususnya swasta.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebenarnya cakna dengan nilai yang ada pada bangunan dan rumah kedai yang lama di sekitar kawasan Bangunan Sultan Abdul Samad. Melalui Belanjawan DBKL 2025, DBKL dengan kerjasama Khazanah Nasional dan Think City Sdn Bhd membangunkan projek Daerah Budaya dan Kreatif Kuala Lumpur (KLCCD) di sekitar kawasan berkenaan.

Usaha DBKL memanfaatkan sebuah lagi bangunan antik di tepi Dataran Merdeka sebagai Perpustakaan Kuala Lumpur adalah suatu yang amat dialu-alukan.

Dalam konteks yang lebih luas, semua bangunan antik berkenaan yang terkait dengan sejarah besar negara. Sejarah itu yang menjadikan bangunan berkenaan terus bernilai tinggi kepada generasi kini dan masa depan. Misalnya bangunan itu pernah menjadi pusat pentadbiran zaman penjajah dan seni bina yang membawa pengaruh Islam dari Asia Barat.

Memang benar, semua bangunan itu

didirikan oleh British. Namun yang menariknya tidak ada sedikit pun pengaruh British pada seni binanya. Sebaliknya memancarkan seni bina Moorish dari tamadun Islam di Sepanyol dan Mughal yang menonjol di India pada abad ke-16 hingga ke-19.

Kedua-dua seni bina itu menggabungkan elemen yang mempunyai pertautan amat rapat dengan tamadun dan zaman kegemilangan Islam. Perkara itu menjadikan bangunan peninggalan penjajah itu amat berbeza dengan beberapa bangunan lain yang dibina pada zaman yang sama.

Misalnya berbeza dengan Hotel Majestic dan Panggung Coliseum yang dibina pada 1930 serta bangunan rumah kedai di sepanjang Jalan Tuanku Abdul Rahman yang menggunakan seni bina Neo Classic dan Art Deco yang membawa pengaruh Eropah.

Berdirinya bangunan seperti Bangunan Sultan Abdul Samad, bekas ibu pejabat KTMB dan Stesen Kereta Api Kuala Lumpur menunjukkan kekaguman British dan negara-negara Eropah lainnya terhadap pengaruh empayar Islam zaman Uthmaniyah.

Sekalipun ketika bangunan itu dibina empayar Uthmaniyah sudah berada di penghujung kegemilangan, akan tetapi masih tetap berpengaruh. British tentunya dilihat ketinggalan sekiranya tidak menumpang kegemilangan Empayar Uthmaniyah yang menjadi kekaguman dunia pada zaman itu.

Kita beruntung, sekalipun bangunan itu adalah peninggalan penjajah negara ini tetapi mempunyai pertautan yang akrab daripada seni bina yang diangkat daripada pengaruh zaman kegemilangan empayar Islam yang begitu sejagat sifatnya. Maka tidak hairan apabila hal itu turut mempengaruhi cita rasa British dalam mereka bentuk bangunan-bangunan berkenaan.

Moorish merujuk kepada seni bina yang berasal dari tamadun Islam Empayar Uthmaniyah di Sepanyol yang ciri-ciri utamanya ada kubah, lengkungan terutama pada bahagian pintu, bermotifkan geometri serta penggunaan ubin dan sangat akrab dengan kolam dan taman dalaman yang indah. Hasil seni bina Moorish tertera pada bangunan-bangunan bersejarah lain, antaranya Alhambra di Granada, Masjid Cordoba dan Menara Giralda di Seville.

Sebenarnya keadaan daif bangunan-bangunan berkenaan merupakan satu pembaziran ruang yang sepatutnya digunakan dengan semaksimum yang mungkin. Memulihara dan memanfaatkan semula bangunan ikonik ini bukan sekadar tanggungjawab sejarah, tetapi peluang mengukuhkan identiti Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang kosmopolitan.

Semua bangunan itu adalah bukti yang mendukung kelahiran dan perkembangan Kuala Lumpur yang awalnya sebuah pekan lombong bijih timah di Selangor. Bangunan seperti Stesen Kereta Api Kuala Lumpur terkait dengan sejarah awal pembinaan landasan kereta api di Tanah Melayu.

Inisiatif memulihara dan membaik pulih bangunan antik itu tentunya bukan sekadar nostalgia, malah yang lebih utama adalah strategi mengangkat kembali Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang unik.

Adalah suatu yang amat diharapkan supaya usaha memulihara bangunan-bangunan antik di Kuala Lumpur menjejak beberapa bangunan antik di luar negara yang terus diangkat nilainya. Misalnya bangunan Tate Modern yang dibina awal abad ke-20 kini muzium seni moden terkemuka dunia.

Begitu juga bangunan bekas stesen kereta api Gare d'Orsay di Paris yang dibina pada 1900 kini menjadi Musée d'Orsay, sebuah galeri seni impresionis dan pasca impresionis terbesar dunia.


Memanfaatkan semula bangunan antik adalah satu bentuk pelestarian dan mengimbangi Kuala Lumpur dengan seni bina yang membawa pengaruh klasik dengan yang moden. Pemuliharaan yang bijak boleh mengembalikan bangunan-bangunan itu sebagai sebahagian daripada pendukung imej bandar raya yang dinamik.

Transformasi yang akan dilakukan terhadap bangunan-bangunan berkenaan bukan sekadar membaik pulih, tetapi menghidupkan semula bangunan berkenaan dalam kehidupan moden masa kini. Mengindahkan semula semua bangunan itu adalah kejayaan dan kebijaksanaan dalam pemuliharaan bangunan yang mempunyai nilai seni dan sejarah.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 318 . 20 - 26 JUN 2025

Psikologi.
wanita berkerjaya

»»10-11

BEKERJA KURANGKAN TEKANAN MENTAL

DIANA AMIR

DEWASA ini, peranan wanita sudah jauh berbeza berbanding dahulu dan kita menyaksikan mereka kini tidak lagi terhad menggalas tugas dan tanggungjawab di rumah semata-mata.

Senario ini berbeza dengan kehidupan wanita zaman dahulu yang sering kali dikaitkan dengan tanggungjawab menguruskan keluarga dan rumah tangga, menjaga anak-anak malah tidak lari berada di ceruk dapur untuk memasak.

Zaman berlalu, wanita kini menceburi bidang kerjaya yang sebelum ini dikuasai lelaki, setanding dengan tahap pencapaian pendidikan dimiliki sekali gus membuktikan mereka berjaya dalam meningkatkan potensi diri dan membantu mengukuhkan ekonomi keluarga dan negara.

Ditambah pula dengan isu kesihatan mental yang semakin diperkatakan kebelakangan ini, mendorong kebanyakan golongan isteri lebih memilih karier berbanding bergelar suri rumah sepuh masa selepas perkahwin.

Dekan Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan



ABDUL RAZAK

Kerja Sosial Universiti Utara Malaysia (UUM), **Profesor Madya Dr Abdul Razak Abd Manaf** berkata terdapat pelbagai faktor yang mendorong wanita memilih untuk terus bekerja.

“Faktor utama adalah desakan hidup di mana punca atau sumber pendapatan yang ada tidak mencukupi bagi menampung kos sara hidup yang semakin tinggi.

“Sesetengah individu mungkin berhadapan dengan keadaan semasa yang memberi tekanan untuk mereka bekerja demi kelangsungan hidup dan tidak boleh semata-mata bergantung kepada suami.

“Antara faktor lain adalah kini kita dapat lihat ramai wanita yang mempunyai tahap pendidikan tinggi dan memilih untuk terus bekerja selepas berkahwin bagi mengejar cita-cita dan impian mereka,” katanya kepada Wilayahku.

Beliau memberitahu tidak dinafikan juga ada yang memilih kerjaya kerana mengisi masa terluang selain memperoleh pengalaman baru.

“Walaupun bagaimanapun, pada masa kini saya percaya wanita bekerja kebanyakannya kerana

keperluan untuk menyara kehidupan di mana kita dapat lihat sesetengah suri rumah juga masih bekerja dari rumah bagi memperoleh sumber pendapatan,” katanya.

Tidak menafikan ramai suri rumah yang mengalami kemurungan, Abdul Razak berkata dengan bekerja ia sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan tekanan mental.

“Melalui pekerjaan, baik si ibu mahupun si isteri dapat meluaskan pengalaman serta pergaulan sekali gus boleh mengurangkan rasa keseorangan.

“Walaupun bagaimanapun, bekerja dapat mengurangkan tekanan sekiranya mereka mendapat sokongan dan dukungan yang baik daripada suami mahupun keluarga.

“Sebenarnya dalam isu ini,



STATISTIK PEMERKASAAN WANITA DALAM DOMAIN TERPILIH, MALAYSIA, 2024

INDEKS JURANG GENDER MALAYSIA (MGGI) 2025: 0.705

SUB-INDEKS:

PELUANG DAN PENYERTAAN EKONOMI

SKOR
0.698

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB)



KPTB wanita lebih rendah berbanding lelaki.

WANITA 56.2%
LELAKI 82.3%

Anggaran Pendapatan Diperoleh



Bagi setiap RM100 gaji dan upah diterima lelaki: wanita menerima RM93.80

WANITA RM39,736
LELAKI RM42,383

Penggubal Undang-Undang, Pegawai Kanan dan Pengurus



Satu perempat daripada jumlah Penggubal Undang-undang, Pegawai Kanan dan Pengurus adalah wanita

WANITA 25.4%
LELAKI 74.6%

Profesional dan Pekerja Teknikal



Peratus wanita sebagai Profesional dan Pekerja Teknikal lebih rendah berbanding lelaki

WANITA 40.2%
LELAKI 59.8%

SUB-INDEKS:

PENCAPAIAN PENDIDIKAN

SKOR
0.698


Kadar Literasi (15-64 tahun)



WANITA 97.4%
LELAKI 97.5%

Perbezaan kadar literasi lelaki dan wanita adalah 0.1 mata peratus

Kadar Enrolmen Kasar



Kadar enrolmen kasar wanita dalam semua peringkat adalah lebih tinggi berbanding lelaki

SUB-INDEKS:

KESIHATAN DAN KEHIDUPAN

SKOR
0.698



PEREMPUAN 76.6 tahun
LELAKI 71.8 tahun

Perempuan dijangka boleh hidup 4.8 tahun lebih lama berbanding lelaki

Nisbah Jantina Ketika Lahir 931 bayi perempuan dilahirkan bagi setiap 1,000 bayi lelaki



SUB-INDEKS:

PENGUSAHAAN POLITIK

SKOR
0.096



Wanita di Parlimen

13.5 peratus ahli parlimen adalah wanita

Wanita dalam Jawatan Menteri

16.1 peratus wanita dalam jawatan Menteri lebih rendah berbanding lelaki pada 2023

Nota: Data bagi Jangkaan Hayat Ketika Lahir adalah data permulaan.

Sumber: Statistik Pemerksaan Wanita dalam Domain Terpilih, Malaysia, 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Komen Netizen

@tienna

Kalau tanya mana lagi stres jadi suri rumah atau kerja, aku pilih suri rumah, ia jadi seronok kalau ada *maid* dan *babysitter*, lepas tu hujung minggu pergi spa lepas minum kopi, kalau semua buat sendiri memang letih la.

@azrardini

Saya setuju sis walaupun saya *working mom*, sekurangnya apabila kita kerja ni dapat makan dengan tenang dan borak dengan rakan sekerja, *stay strong* semua suri rumah, semoga setiap keringat dicurahkan menjadi pahala.

@lavender_hitam

Suri rumah lagi stres, mental terkurung dalam rumah dan rutin harian yang sama, kalau isteri bekerja boleh jumpa orang hilangkan tekanan.

@hidayaanordinn

Kadang-kadang bila tengah stres atau penat dengan anak itu ini memang pejam mata dalam hati berdoa ya Allah beri aku pahala banyak.

bekerja atau menjadi suri rumah boleh menghasilkan kesihatan mental yang positif seandainya persekitaran di sekeliling wanita atau ibu itu menyokong dan membantu terutama daripada suami serta ahli keluarga yang lain,” jelasnya.

Tambahnya mengurus dan mengimbangi antara kerja dengan tugas di rumah mempengaruhi kesihatan mental dan hubungan keluarga.

“Sistem sokongan yang kuat dalam keluarga banyak mempengaruhi tahap kesihatan mental dan kualiti perhubungan,” katanya.

FAHAMI PERANAN SEBAIKNYA

MESKIPUN begitu tugas sebagai seorang ibu seharusnya tidak diabaikan sebesar mana sekalipun jawatan kerja disandang di pejabat.

Urusan hal rumah tangga merupakan tanggungjawab bersama dengan tugas seperti memasak, mengemas dan menjaga anak tidak seharusnya tertumpu kepada seorang sahaja.

Sebaliknya, suami isteri perlu saling membantu dalam soal tersebut sekali gus mengimbangi antara tugas di pejabat dan peranan bersama keluarga.

Abdul Razak turut menyarankan isteri zaman moden ini untuk saling mengingatkan peranan sebagai seorang isteri, ibu, anak, ahli keluarga dan juga pekerja.

“Dalam melaksanakan tanggungjawab dan peranan-peranan ini, sudah tentu akan berlaku konflik peranan (*role conflict*), ketegangan peranan (*role strain*) dan bebanan peranan (*role overload*).

“Meneliti isu-isu ini, setiap wanita perlu bijak dalam mengurus kehidupan mereka dan keluarga sebaik-baiknya agar keharmonian dan kesejahteraan holistik dapat dipelihara,” katanya. 

Keutuhan ekonomi keluarga

DAHULU lelaki dianggap sebagai individu penting dalam menjana dan menguruskan pendapatan keluarga namun, di zaman ini, wanita juga dilihat mampu membantu dalam menjana pendapatan selain meningkatkan tahap kesejahteraan sesebuah institusi kekeluargaan.

Menurut Profesor Kewangan dan Keusahawanan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), **Datuk Profesor Dr Nik Maheran Nik Muhammad**, wanita berkerjaya mampu memberi sumbangan yang besar dalam ekonomi keluarga.

“Antara sumbangannya adalah dalam bentuk pendapatan langsung di mana ia boleh digunakan untuk menyokong keperluan asas seperti makanan, pakaian, pendidikan dan tempat tinggal.

“Selain itu, ia juga menyumbang dari segi keselamatan kewangan jangka panjang sebagai contoh menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pelaburan, takaful serta tabungan pendidikan anak-anak.

“Wanita berkerjaya ini juga sekali gus membantu meningkatkan taraf hidup keluarga dengan membolehkan anak-anak mendapat pendidikan dan penjagaan kesihatan yang lebih baik,” katanya kepada Wilayahku.

Beliau berkata lebih daripada semua itu, wanita sering berperanan sebagai pengurus kewangan keluarga kerana mereka bijak merancang bajet, mengawal perbelanjaan dan membuat keputusan ekonomi harian yang memberi kesan besar kepada kesejahteraan keluarga.

Mengulas lanjut, Nik Maheran berkata ramai wanita hari ini melihat kerjaya sebagai satu bentuk sumbangan langsung kepada kelangsungan hidup keluarga, bukan semata-mata untuk berdikari.

“Keperluan asas seperti makanan, pendidikan anak, perumahan dan penjagaan kesihatan semakin mahal, terutamanya di bandar-bandar besar menjadikan pendapatan seorang sahaja tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan perbelanjaan isi rumah.

“Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa terdapat faktor bukan ekonomi yang



NIK MAHERAN

mendorong wanita memilih kariernya antaranya peningkatan tahap pendidikan berbanding generasi terdahulu di mana mereka mahu menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperoleh untuk menyumbang kepada masyarakat dan membina karier.

“Seterusnya berlaku perubahan sosial dan budaya yang mana jika dahulu peranan wanita banyak tertumpu kepada rumah tangga namun kini norma sosial berubah dan masyarakat lebih terbuka menerima wanita sebagai profesional, pemimpin dan usahawan,” katanya.

Beliau memberitahu antara faktor lain adalah teknologi dan ekonomi digital mewujudkan peluang kepada wanita untuk bekerja secara fleksibel yang memudahkan mereka mengimbangi antara tanggungjawab kerjaya dan keluarga.

Akhir sekali katanya ramai wanita mahu membina identiti diri melalui pekerjaannya kerana mereka berasa kerjaya memberi mereka kebebasan, keyakinan dan pengiktirafan.

Tambahnya tidak dinafikan dua sumber pendapatan akan meningkatkan ketahanan kewangan sesebuah keluarga namun keseimbangan antara kerja serta kehidupan keluarga perlu dijaga dengan berkongsi peranan dan tanggungjawab secara adil agar keharmonian rumah tangga tidak terjejas.

Dalam pada itu, Nik Maheran berkata golongan

wanita kini adalah antara aset penting dalam pembangunan ekonomi negara kerana apabila lebih ramai wanita bekerja, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat melalui pertambahan produktiviti.

“Selain itu, negara mendapat sumbangan sumber manusia berpendidikan dan berkemahiran tinggi serta membantu mengurangkan kadar kemiskinan isi rumah, terutamanya dalam keluarga B40 dan M40.

“Sektor-sektor penting seperti pendidikan, kesihatan, keusahawanan dan perkhidmatan juga sangat bergantung kepada tenaga kerja wanita. Menurut kajian Bank Dunia, jika penyertaan wanita dalam tenaga kerja meningkat secara signifikan, pendapatan negara boleh meningkat sehingga 30%.

“Maka, wanita bekerja bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi keluarga, malah menjadi pemacu utama kepada ekonomi negara secara keseluruhan,” katanya. 

Tips wanita berkerjaya yang cemerlang:

1. Memilih kawan yang baik dan boleh mendorong melakukan kebaikan.
2. Berusaha menyeimbangkan antara tugas dalam kerjaya dan tuntutan rumah tangga kerana wanita juga menjalankan amanah dan tanggungjawab sebagai seorang isteri walaupun sibuk dengan urusan pekerjaan di luar rumah.
3. Pupuk sifat positif dalam diri untuk mewujudkan keperibadian diri yang cemerlang.
4. Mendapatkan sokongan daripada orang sekeliling seperti majikan dan rakan sekerja perlu memberi kepercayaan untuk menjalankan tugas pekerjaan.
5. Dalam rumah tangga, wanita memerlukan sokongan suami, anak-anak serta ahli keluarga untuk saling bekerjasama menjalankan tanggungjawab dalam rumah tangga.

Keseimbangan resipi kebahagiaan

DUNIA hari ini menyaksikan kaum wanita sudah ramai yang bekerja dalam pelbagai bidang dan pastinya mempunyai alasan mereka tersendiri untuk terus memilih karier berbanding bergelar suri rumah sepenuh masa.

Timbalan Pengarah Seksyen Dakwah dan Jaringan, Pusat Islam Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Dr Naemah Hamzah** berkata Islam tidak melarang para isteri untuk bekerja.

Jelasnya sebelum memahami berkaitan hukum wanita berkerjaya kita hendaklah memahami sejarah Islam yang meletakkan wanita di tempat yang mulia.

“Allah SWT memberikan ganjaran pahala yang besar terhadap kebaikan yang telah dilakukan oleh wanita dalam usaha mereka melaksanakan perintah dan tanggungjawab berkaitan ibadah, rumah tangga dan pekerjaan.

“Hukum wanita berkerjaya

melibatkan hukum harus, haram, wajib, sunat atau makruh. Semua pekerjaan yang dibenarkan oleh syarak terhadap lelaki adalah sama hukumnya dengan wanita.

“Maka, harus wanita keluar rumah untuk bekerja dan harus juga seseorang wanita itu bekerja untuk menyara kehidupannya sendiri apabila dia tidak mempunyai suami, ayah atau kaum kerabat.

“Keharusan bekerja yang diberikan adalah disebabkan keperluan yang mendesak serta kepatuhan terhadap syariat Islam dan di sini jelas bahawa Islam tidak melarang wanita melakukan pekerjaan yang baik bahkan Islam menginginkan kebaikan kepada seluruh umatnya,” katanya.

Mengulas lanjut, Naemah



NAEMAH

berkata wanita yang memilih kerjaya sama sekali tidak membuatkan mereka gagal sebagai seorang isteri atau ibu.

“Situasi ini tidak akan menggagalkan kehidupan berumah tangga yang dibina selagi mana wanita itu faham tentang tanggungjawab dalam

rumah tangga dan berusaha untuk melaksanakannya sedaya yang mungkin.

“Sebab itu, keseimbangan dalam kerjaya dan rumah tangga menjadi resipi utama untuk menempah kebahagiaan dan kejayaan dunia dan akhirat,” jelasnya kepada Wilayahku.

Beliau berkata apabila seseorang wanita itu bekerja pasti tanggungjawab dalam kerjaya itu berat.

“Namun, wanita yang bergelar isteri dan ibu masih perlu memikirkan hak dan tanggungjawab dalam keluarga kerana pelaksanaan hak akan mendatangkan pahala manakala pengabaian akan mengundang dosa dan mungkin menyebabkan berlakunya perceraian.

“Kesedaran tentang tanggungjawab berkaitan kerjaya dan rumah tangga hakikatnya dapat memenuhi keperluan dalam kedua-dua aspek dan wanita akan lebih tenang serta bahagia apabila memiliki kerjaya di samping mempunyai keluarga yang menjadi penyejuk mata,” jelasnya.

Dalam pada itu, Naemah turut mengingatkan wanita yang ingin berjaya dalam kerjaya dan rumah tangga perlu mencontohi model wanita berkerjaya yang cemerlang dari sudut kaca mata Islam.

“Wanita perlu menjaga batas ketika keluar rumah untuk bekerja

atau semasa menjalankan tugas lain melibatkan penjagaan aurat yang sempurna; menjaga pergaulan antara lelaki dan wanita; menjaga niat bekerja adalah untuk membantu keluarga dan memberi perkhidmatan serta kepakaran kepada masyarakat yang memerlukan kehadiran wanita.

“Antara tips lain adalah memilih pekerjaan yang sesuai dengan syarak serta sifat kewarifan agar keberkatan pekerjaan dan kementerian anak-anak dapat direalisasikan.

“Akhirnya, mendapatkan izin suami apabila hendak keluar untuk bekerja, menjaga nama baik suami dengan tidak menceritakan keburukan atau hal ehwal rumah tangga kepada orang yang tidak sepatutnya,” katanya kegagalan melakukannya akan mengundang kepincangan dalam membentuk kehidupan yang sejahtera. 

WAI KONG ROTAN: anyaman cinta yang tak terlerai

SHUAIB AYOB

PERABOT Rotan Klasik Wai Kong masih teguh berdiri pada tahun 2025, menjadi antara kedai rotan tradisional yang masih bertahan di Kuala Lumpur. Dalam dunia serba moden yang pantas, bengkel kecil ini menjadi saksi kepada ketekunan, warisan, dan kasih yang tidak pernah luntur.

Telah beroperasi hampir setengah abad, Wai Kong Rotan terkenal dengan pembuatan perabot rotan secara tradisional, penghasilan dengan menggunakan sentuhan tangan, ketekunan yang tinggi dan pengalaman. Tiada mesin moden yang digunakan, disebabkan itu tiada pengeluaran secara besar-besaran. Hanya anyaman satu demi satu, dengan penuh teliti dan jiwa. Setiap satu perabot yang dihasilkan adalah unik.

Tiada siapa menyangka di sebalik bengkel ini berdiri, seorang wanita tabah, **Woon Heong Choong**, yang sudah berusia 70 tahun meneruskan perniagaan ini selepas pemergian suaminya, pengasas asal Wai Kong Rotan, yang meninggal dunia akibat COVID-19 beberapa tahun lalu.

Walaupun pemergian suaminya telah mengosongkan ruang hidupnya, atas nama cinta beliau tidak sesekali patah semangat untuk terus berjuang kerana di sinilah segala cinta dan kenangannya bersama mendiang suaminya mencari rezeki.

Daripada seorang isteri yang setia di belakang tabir, kini beliau menjadi nadi utama bengkel ini. Dibantu oleh lelaki berusia 60 tahun yang telah bekerja bersamanya selama tiga tahun, mereka berdua meneruskan warisan ini dengan penuh tekad.

Setiap anyaman rotan di sini bukan sekadar hasil kraf tangan, ia adalah sebuah cerita cinta yang penuh ketabahan. Ia adalah seni yang merentas zaman.

Lensa Wilayahku merakamkan momen ini sebuah penghormatan kepada seni yang hampir dilupakan. Dalam gerak tangan yang sabar, dalam lilitan rotan yang kemas, kami melihat lebih daripada kraf. Kami melihat cinta yang terus hidup walau ditinggalkan.

Wai Kong Rotan bukan sekadar kedai perabot. Ia adalah lambang sebuah janji, bahawa sesuatu yang dibuat dengan hati, akan terus bertahan walaupun zaman berganti zaman. 





BAU ASAP BANGKIT SELERA

AINI MAWAWI

Foto: SHUAIB AYOB

DALAM dunia kuliner yang semakin moden, di mana makanan diproses pantas dan dibakar atas dapur gas atau elektrik, namun tradisi lama membakar ikan menggunakan arang terus bertahan dan berjaya menawan selera ramai.

Keistimewaan bukan hanya terletak pada rasa, tetapi pada bau asap serta teknik pembakaran yang penuh seni.

Malah, ia turut membangkitkan nostalgia satu ketika dahulu ketika menikmati hidangan tengah hari bersama datuk dan nenek di kampung.

Berpeluang menikmati hidangan ikan bakar arang di Restoran Ummi Aishah yang terletak di Kota Warisan, Sepang baru-baru ini



NOOR AISHAH

Menurut pemiliknya, **Noor Aishah Zainuddin**, 57, berbeza dengan kaedah moden, pembakaran menggunakan arang menghasilkan aroma yang lebih pekat dan sedap.

“Bukan mudah untuk menghasilkan ikan bakar yang sempurna, api mesti dijaga, arang perlu dikawal supaya tidak terlalu kuat hingga hangus atau terlalu perlahan hingga ikan jadi liat.

“Selain itu, kombinasi ikan segar, perapan serta sambal yang pedas dan cukup rasa merupakan gabungan yang wajib dan tidak boleh gagal. Tidak cukup itu, ia perlu digandingkan dengan air asam dan ulam-ulaman yang segar,” kongsinya kepada Wilayahku.

Ditanya tarikan restoran yang dibuka sejak enam tahun lalu itu, Noor Aishah berkata ikan bakar segar yang dibakar dengan arang adalah faktor penting yang menjadikannya lokasi menikmati selera hidangan tengah hari.

“Sumi (Mohd Nizam Daud) akan pergi ke pasar setiap hari untuk membeli ikan-ikan segar bagi memastikan kualiti ikan bakar terjaga dan kekal berjus. Antara pilihan popular ialah ikan tilapia, siakap, kembung dan pari.

“Setiap jenis ikan ada tekstur

dan rasa tersendiri.

Ikan pari misalnya, sangat sesuai dibakar kerana teksturnya lembut dan cepat menyerap perapan. Ikan siakap pula lebih padat.

“Kami sangat teliti dalam memilih ikan yang segar di samping gabungan perapan rempah buatan sendiri serta penggunaan arang asli tanpa campuran bahan kimia,” katanya menambah selain ikan, sotong, ayam dan kerang bakar turut disediakan.

Menariknya, selain ikan bakar, menu-menu lauk-pauk lain yang terdapat di Restoran Ummi Aishah merupakan resipi serta air tangannya sendiri.

“Alhamdulillah, saya puas hati apabila dapat masak sendiri dan menentukan rasa setiap hidangan yang ada di restoran ini. Dalam masa sama, dengan bantuan suami dan anak-anak juga kami sentiasa akan memastikan rasa hidangan menepati piawaian sebelum dihidang kepada pelanggan.

“Selain hidangan tengah hari, ikan bakar arang juga sering menjadi pilihan utama pelanggan untuk sebarang majlis keluarga dan jamuan ringkas.

“Mungkin kerana ia membangkitkan rasa nostalgia dan mampu membawa kita duduk semeja sambil menikmati sesuatu yang asli, panas dan penuh kasih sayang,” jelasnya yang turut menyediakan ruangan untuk sebarang aktiviti keramaian di tingkat atas restoran tersebut.

TARIKAN KENAMAAN, PELANCONG

DEK kerana restoran tersebut berdekatan dengan lapangan terbang, ia menjadi tumpuan golongan kenamaan, pelancong serta selebriti antaranya penyampai radio, Fizie Roslan yang kerap berkunjung ke restoran tersebut.

“Alhamdulillah, ramai pelanggan sanggup datang dari jauh hanya

untuk menikmati ikan bakar arang, yang pasti kami menjadi tumpuan kerana kekal menggunakan kaedah tradisional tanpa berkompromi dengan kualiti.

“Bagi sesetengah pelancong luar, inilah satu pengalaman kulineri yang tak boleh didapati di negara mereka. Ia bukan sekadar makan, tetapi merasa budaya tempatan,” katanya.

Info

Pusat Perdagangan Warisan Sentral
NO.36-G, Jalan Warisan Sentral 2,
Kota Warisan, 43900, Sepang.

8 pagi hingga 5 petang
(tutup Jumaat).



cukup membuka selera, lebih-lebih lagi dengan rasa 'smoky' semula jadi yang menyerap ke dalam isi ikan.



BILA UDARA JADI RACUN: SIAPA BERTANGGUNGJAWAB?

MOGESH SABABATHY

UDARA yang kita hirup semakin tercemar dan malangnya, ini bukan sekadar kiasan.

Di sebalik setiap pesakit asma, setiap alat nebulizer di klinik dan setiap katil hospital yang menempatkan kanak-kanak dengan

jangkitan paru-paru, wujud satu jaringan besar kecuai alam sekitar, kelemahan penguatkuasaan dasar selain kegagalan sistem untuk melindungi keperluan asas manusia: udara bersih.

Penyakit berkaitan pernafasan semakin

meningkat di Malaysia. Jerebu menjadi satu musim yang kita terima dengan pasrah, seolah-olah ia sebahagian daripada kitaran cuaca tahunan.

Kita mungkin sudah biasa dengan musim jerebu dan pencemaran udara, umpama pelanduk melupakan jerat, tetapi jerat tidak melupakan pelanduk. Bahayanya tetap menanti setiap tahun.

Walaupun berkali-kali kita mengalami kualiti udara yang tidak sihat, kesungguhan politik untuk menyelesaikan punca sebenar khususnya pencemaran merentas sempadan kekal lemah dan mengecewakan.

Masalah ini bukan sesuatu yang baru. Selama beberapa dekad, model pembangunan ekonomi kita lebih mengutamakan keuntungan jangka pendek berbanding kelestarian alam sekitar.

Banyak komuniti tinggal berhampiran kawasan perindustrian atau lebuh raya, menyedut udara yang penuh zarah halus berbahaya.

Syarikat bahan api fosil masih mempunyai pengaruh besar terhadap dasar awam. Lebih membimbangkan, kesihatan rakyat terus dikorbankan demi laba ekonomi segelintir pihak.

Namun, pencemaran udara bukan sekadar isu alam sekitar ia merupakan krisis kesihatan awam.

Seperti biasa, golongan berpendapatan rendah paling terkesan. Ada yang terpaksa tinggal berdekatan kilang, lebuh raya atau ladang kelapa sawit kawasan yang sering mencatatkan bacaan kualiti udara rendah.

Jika golongan berada mampu membeli penapis udara atau mendapatkan rawatan kesihatan swasta, ramai lagi rakyat Malaysia yang terpaksa menanggung kesan fizikal, emosi dan kewangan tanpa banyak pilihan.



MALAYSIA sering kali dilanda jerebu yang disebabkan oleh pencemaran rentas sempadan.



Kita juga perlu lebih tegas dalam pelaksanaan perjanjian serantau seperti Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan. Ia tidak boleh terus menjadi sekadar simbol diplomatik.

Di peringkat global, pencemaran udara menelan kos berbilion ringgit setiap tahun akibat rawatan perubatan, kehilangan produktiviti dan kematian pramatang. Malaysia juga tidak terkecuali daripada statistik itu.

Satu aspek penting yang sering kita abaikan adalah peranan lautan dalam kehidupan kita. Lebih separuh oksigen yang kita hirup sebenarnya dihasilkan oleh fitoplankton di laut, bukan semata-mata daripada pokok dan hutan.

Malangnya, pemanasan laut, pencemaran dan pembangunan pesisir pantai demi keuntungan telah memusnahkan banyak ekosistem laut yang penting ini. Kita terlalu menumpukan perhatian kepada hutan di daratan hingga terlupa akan 'hutan' di bawah laut yang turut menyumbang kepada oksigen dunia.

Kini, Malaysia berada di

persimpangan penting. Tahun ini, kita memegang Kepengerusian ASEAN, satu peluang besar untuk mengetuai suara serantau dalam isu-isu alam sekitar. Sebagai negara maritim dengan beribu kilometer pesisir pantai, kita bukan sekadar pemegang taruh, kita sepatutnya menjadi penjaga utama ekosistem serantau ini.

Minggu lalu, Persidangan Lautan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Nice, Perancis berakhir dengan seruan tegas oleh Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres: "Lautan dunia semakin terancam dan ia adalah tanggungjawab bersama untuk melindunginya".

Malaysia mesti mengambil peluang ini untuk membuktikan kepimpinan, bukan sekadar dengan penyertaan, tetapi dengan mendesak pelaksanaan dasar yang benar-benar melindungi laut, pesisir

dan udara kita. Kita tidak perlukan lagi ucapan gah tanpa tindakan susulan.

Di peringkat domestik, Malaysia kini sedang memuktamadkan Pelan Tindakan Udara Bersih Kebangsaan (NCAAP) 2025-2040, sebuah kerangka penting untuk memperbaiki kualiti udara negara.

Walau bagaimanapun pelan sebegini tidak boleh kekal sebagai dokumen semata-mata. Ia mesti diterjemahkan kepada tindakan tegas, dengan penguatkuasaan yang telus, hukuman yang setimpal terhadap pelanggar undang-undang, dan yang paling penting, data pencemaran serta impak kesihatan mesti diumumkan secara terbuka kepada orang ramai.

Kita juga perlu lebih tegas dalam pelaksanaan perjanjian serantau seperti Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan. Ia tidak boleh terus

menjadi sekadar simbol diplomatik; ia mesti menjadi alat tadbir urus alam sekitar yang berkesan.

Tidak kurang penting, agensi kesihatan, saintis alam sekitar dan perancang bandar perlu bekerjasama lebih erat.

Masalah pencemaran udara tidak boleh dilihat secara terpisah daripada perancangan bandar, dasar perindustrian atau kos penjagaan kesihatan. Semuanya saling berkait, dan penyelesaiannya juga mesti bersifat menyeluruh.

Ini juga adalah isu kanak-kanak. Kualiti udara yang buruk boleh menjejaskan perkembangan paru-paru mereka, meningkatkan risiko asma dan meninggalkan kesan jangka panjang terhadap kesihatan. Tidak adil jika lokasi tempat tinggal menjadi penentu kepada tahap kesihatan paru-paru anak-anak kita.

Udara bersih adalah hak asasi manusia dan menjaga hak ini adalah tanggungjawab kerajaan kepada rakyatnya.

Jika kita terus melengahkan tindakan, kita sebenarnya sedang menggadaikan kesihatan generasi masa depan negara.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



CSAM adalah JENAYAH

Mana-mana orang yang mengakses, atau mempunyai dalam milikan atau kawalannya, apa-apa pornografi kanak-kanak melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

AKTA KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017



Suruhanjaya Komunikasi
dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



skmm_mcmc



MCMCTV

ZULKIFLI SULONG

POLITIK Malaysia agak panas sejak kebelakangan ini berikutan polemik yang berlaku dalam PKR. Namun, perhatian rakyat Malaysia khasnya orang Melayu tidak terikut-ikut sangat dengan apa yang berlaku ekoran perang antara Iran dan Israel.

Semua komen, perhatian dan analisis tertumpu kepada apa yang berlaku di Iran dan Israel. Walaupun rakyat Malaysia agak sinikal dengan Iran namun apabila berdepan dengan Israel, Iran mendapat sokongan padu.

Semua kandungan media sosial tertumpu kepada apa yang berlaku di Tel Aviv khasnya. Dari sebuah bandar yang dianggap selamat di bawah perlindungan Iron Dome, kini terbukti, Iran berjaya memecahkan tembok Iron Dome.

Yang menariknya, walaupun Israel dan sekutunya cuba mengawal naratif peperangan ini dengan mendakwa Iran yang bersalah, namun dunia melihat dengan jelas, Israel yang mula menyerang Iran. Hampir kesemua pemimpin pertahanan Iran mati dibunuh Israel dari dalam Iran sendiri.

Sudah pasti, Iran sangat marah dan kecewa dengan apa yang berlaku. Bagaimana musuh dalam mereka digunakan oleh ejen Israel untuk membunuh pemimpin Iran dari dalam negara itu sendiri.

Sebab itu, apabila tersebar gambar dan mesej tular bahawa Iran mengikat ejen perisikan Israel yang ditangkap pada peluru berpandu yang dihantar ke Israel, ia sangat mengujakan.

Sama ada peluru itu berjaya disekat atau dimusnahkan oleh Iron Dome Israel, atau berjaya sampai ke sasaran, nasib ejen perisikan ini sudah pasti kecuali ajalnya belum sampai.

Kembali kepada negara kita sendiri. Pihak Kerajaan MADANI bernasib baik, ketika pelbagai masalah yang menimpa, tumpuan rakyat negara ini tidak kepada masalah ini, tetapi kepada Iran dan Israel.

Namun demikian, Kerajaan MADANI tidak boleh leka. Pihak yang menjadi musuh kerajaan tidak pernah leka untuk mengambil peluang.

Lihat sahaja kepada Pas dan sekutu mereka dalam Perikatan Nasional dan Payung Besar mereka Mahathir (Tun Dr Mahathir Mohamad). Mereka tidak berputus asa.

Benar mereka gagal dalam projek SG4 selepas *rare earth* gagal dilombong. Benar mereka gagal dalam memanipulasi isu Kampung Sungai Baru selepas pemimpin Pas

APAKAH KITA ADA CALON LEBIH BAIK?



PERDANA Menteri dan isteri ketika melawat Sekolah Menengah Sains Alam Shah, Kuala Lumpur yang baru-baru ini terkesan akibat insiden kebakaran.

menembak di kaki sendiri.

Benar, mereka juga gagal dalam menunggang Akta Pembaharuan Semula Bandar (URA) selepas penduduk bandar sendiri menyerang mereka.

Benar mereka akan gagal apabila menunggang isu seorang individu yang jelas menyokong Israel.

Benar Dr Mahathir gagal menimbulkan keraguan rakyat dalam isu pengampunan penuh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tetapi apa yang dibimbangi, orang PKR yang akan menggali kubur mereka sendiri.

Selepas isu pemilihan PKR, ramai penyokong tidak meletak senjata selepas peperangan itu tamat. Bahkan senjata mereka terus dihalakan kepada rakan sendiri atau menembak di kaki sendiri.

Ramai daripada penyokong yang selama ini begitu agresif mempertahankan Kerajaan Malaysia MADANI dan Kerajaan Perpaduan ini terus-terusan menembak sesama sendiri.

Saya terfikir, apakah mereka tidak sedar, jika kerajaan ini jatuh, siapa pula yang akan menjadi Perdana Menteri? Apakah kita tega

untuk melihat Dr Mahathir atau Mahiaddin atau Abdul Hadi menjadi Perdana Menteri?

Demi kepentingan masa depan negara saya sangat risau sebenarnya. Kalau antara mereka menjadi Perdana Menteri, apakah nasib negara kita? Apakah sikap kita nanti kepada umat Palestin?

Apa yang akan berlaku kepada nama baik negara yang telah berjaya dibina dengan baik oleh Perdana Menteri kita sekarang?

Bagaimana dengan nasib pelaburan yang telah berjaya kita peroleh sebelum ini?

Mengikut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Malaysia mencatatkan pelaburan diluluskan sebanyak RM89.8 bilion bagi suku pertama 2025, peningkatan 3.7 peratus tahun ke tahun meskipun berdepan persekitaran ekonomi global yang mencabar.

MIDA berkata pelaburan ini merangkumi 1,556 projek dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan utama yang dijangka menjana lebih 33,300 pekerjaan baharu untuk rakyat negara ini.

"Jumlah pelaburan ini mencerminkan

keyakinan berterusan para pelabur terhadap dasar yang jelas serta asas jangka panjang negara, bertentangan dengan aliran pelaburan global yang lebih berhati-hati akibat ketidaktentuan geopolitik dan makroekonomi serta persaingan global yang semakin sengit untuk mendapatkan pelaburan baharu.

"Pelaburan asing mendominasi landskap pelaburan, dengan sumbangan RM60.4 bilion atau 67.3 peratus daripada jumlah pelaburan, manakala pelaburan tempatan kira-kira RM29.4 bilion atau 32.7 peratus," katanya.

Apakah usaha dan kejayaan ini akan hanya sekadar kelulusan tanpa pelaksanaan? Ia perlu kita fikir dan hadam dengan minda terbuka.

Buat masa sekarang, bagi saya, walaupun dengan pelbagai kelemahan yang ada, hanya Perdana Menteri yang kita ada sekarang sahaja mampu untuk memberikan kita harapan dan keyakinan.

Semoga Malaysia terus berjaya di persada dunia dan kekal di hati.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Tragedi kenderaan berat



Premis makanan kotor

SUNGGUH risau kawan-kawan Kedai Kopi dengan insiden kemalangan melibatkan kenderaan berat seperti lori dan bas yang kerap berlaku kebelakangan ini. Dalam banyak kejadian, ia adalah kemalangan maut yang meragut banyak nyawa.

Antara kejadian terbaharu ialah kemalangan bas yang membawa pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Lebuhraya Timur Barat berhampiran Banding, Perak, pada pukul 1 pagi, Isnin 9 Jun. Seramai 15 pelajar UPSI terkorban dalam kemalangan itu.

Sebelum itu pada 13 Mei, sembilan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) maut dalam kemalangan melibatkan kenderaan yang mereka naiki dengan sebuah lori membawa batu kerikil di Jalan

Chikus-Sungai Lampam, Teluk Intan, Perak. Mereka dalam perjalanan pulang ke pangkalan di Sungai Senam, Ipoh selepas tugas di Teluk Intan.

Ini sekadar contoh terbaharu kemalangan maut. Jika membaca laporan akhbar atau media sosial, saban hari ada sahaja kemalangan melibatkan kenderaan berat, terutama lori.

Semua akibat pemanduan berbahaya. Kerap kali alasan yang diberi apabila berlaku kemalangan ialah brek tidak berfungsi, menyebabkan kenderaan gagal dikawal. Sepatutnya pemandu berbahaya tidak dibenarkan berada di atas jalan raya. Kawan-kawan Kedai Kopi juga harap pihak berkuasa memastikan kenderaan berat yang tidak memenuhi piawaian disita.

TAHNIAH kepada penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang melancarkan Operasi Penguatkuasaan Malam (OPM) di kawasan Parlimen Wangsa Maju baru-baru ini. Tujuannya memeriksa aspek kebersihan di premis makanan untuk memastikan ia mematuhi piawaian ditetapkan.

Sebanyak 37 premis diperiksa, dua daripadanya diarah tutup. Sebanyak 34 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan. Antaranya pekerja gagal mendapat suntikan tifoid, perangkap minyak tidak dipasang, najis tikus dan lipas di dapur selain rak makanan serta lantai dan dinding yang kotor.

Operasi DBKL itu merupakan tindakan berterusan, tidak tertumpu di Wangsa Maju


sahaja. Ia akan diadakan dari semasa ke semasa di seluruh ibu kota bagi memastikan pengusaha premis makanan mematuhi keperluan kesihatan sepanjang masa.

Tindakan DBKL memeriksa kebersihan untuk memastikan aspek kesihatan pengunjung terpelihara. Apa kriteria utama memilih tempat untuk menjamu selera? Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ciri utama ialah persekitaran bersih, layanan bagus, makanan enak dan cepat disajikan selepas pesanan dibuat.

Namun banyak kedai makanan, termasuk di ibu kota, tidak menepati ciri-ciri ini. Tambah mendukacitakan, aspek kebersihan diabaikan sedangkan ia amat penting. Premis yang tidak bersih boleh mendatangkan mudarat kepada pelanggan.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan Ketua Pegawai Eksekutif Global Shell, Wael Sawan bersama delegasi.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa menerima kunjungan hormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing ke Menara Seri Wilayah bagi membincangkan serta memperkukuh kerjasama strategik dalam memajukan segmen pelancongan di Wilayah Persekutuan.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar menyambut kepulangan kumpulan pertama jemaah haji Malaysia (KT01) pada Majlis Sambutan ketibaan Penerbangan Pulang Jemaah Haji MH8251 ke Tanah Air di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

SEMINGGU



Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick ketika meraikan delegasi negara-negara ASEAN sempena Mesyuarat ke-19 ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprises (ACCMSME).



MENTERI Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir hadir pada Majlis Tahlil Perdana Untuk Mangsa Insiden Bas Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Dewan Tuanku Canselor, UPSI, Tanjung Malim yang diadakan baru-baru ini.



MENTERI Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan hadir sebagai salah seorang panel di persidangan Energy Asia 2025.



BUKAN SEMUA PERHATIAN DI MEDIA SOSIAL MEMBAWA KEBAIKAN

*Pelihara Privasi, Hindari Kontroversi
dan Ambil Kira Akibatnya Nanti*



Suruhanjaya Komunikasi
dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



skmm_mcmc



MCMCTV

Bantuan digunakan untuk keperluan memasuki IPT

YWP RINGANKAN BEBAN PELAJAR

KHAIRUL IDIN

DALAM usaha membantu pelajar yang kurang berkemampuan, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tampil menghulurkan bantuan kepada 30 pelajar menerusi Skim Bantuan Awal IPT, sekali gus meringankan beban mereka sebelum melangkah ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Seorang pelajar yang melanjutkan pengajian di Politeknik di Kuching, Sarawak, **Elvin Slyvestine Francis**, 21, berkata bantuan yang disumbangkan oleh YWP itu mampu meringankan beban ibu bapanya dalam pembelian tiket kapal terbang.

"Saya amat bersyukur kerana dipilih untuk menerima bantuan ini dan saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada YWP kerana memberikan bantuan awal ini kepada saya."

"Bantuan ini saya akan gunakan untuk pembelian tiket kapal terbang ke Kuching nanti kerana tambang ke Kuching memerlukan perbelanjaan yang agak besar," katanya kepada Wilayahku.

Bagi **Mohammad Daniel Roslan**, 22, pula, dia menyifatkan bantuan yang

diberikan YWP amat membantu keluarganya dalam membuat persediaan awal khususnya dari segi persiapan pembelian barang kelengkapan diri sebelum melangkah masuk ke alam universiti.

Katanya melanjutkan pendidikan ke peringkat tinggi amat memerlukan perbelanjaan yang besar namun ia adalah satu pengorbanan sebagai seorang pelajar yang mahu mengubah nasib keluarga ke tahap yang lebih baik pada masa hadapan.

"Terima kasih YWP kerana menyalurkan bantuan awal ini. Saya akan menggunakan bantuan ini dengan sebaik-baiknya untuk membeli barang-barang keperluan seperti pakaian, baju, kasut dan sebagainya."

"Selain itu, dengan adanya bantuan seperti ini ia memberikan satu semangat untuk terus berjuang dalam pendidikan agar dapat mencapai impian saya sekali gus membanggakan keluarga," katanya yang bakal melanjutkan pengajian Diploma Teknologi Kejuruteraan (Instrumentasi & Kawalan) di German Malaysia Institute (GMI).

Sementara itu, Pengerusi



ELVIN SLYVESTINE



MOHAMMAD DANIEL



ABDUL BASIR (enam dari kiri) bersama sebahagian penerima dan wakil penerima Skim Bantuan Awal IPT di Labuan.

Jawatankuasa Eksekutif YWP, Dr Abdul Basir V Kunhimohamed berkata pihaknya kekal komited dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup warga Wilayah Persekutuan termasuk Labuan melalui pelbagai bentuk bantuan pendidikan dan kebajikan hasil sumbangan perniagaan dan sektor korporat.

Katanya kali ini seramai 30 pelajar telah dipilih menerima bantuan tersebut yang disalurkan melalui Skim Bantuan Awal IPT YWP bertujuan membantu pelajar-pelajar daripada keluarga B40 membuat

persediaan awal untuk memulakan pengajian di menara gading.

"Pada kali ini kita menyalurkan bantuan kepada 30 orang pelajar yang terpilih dan setiap pelajar menerima bantuan bernilai RM700."

"Kita berharap dengan bantuan ini dapat memberikan manfaat serta meringankan beban para pelajar terutamanya kepada ibu bapa dalam membuat persediaan awal nanti," katanya.

Sesi majlis penyampaian bantuan itu diadakan di Dewan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di Ujana

Kewangan.

Hadir sama, Timbalan Pengurus MAIWP, Radzaleih Matusin dan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan, S Roslee Matusin.

Terdahulu, Skim Bantuan Awal IPT YWP merupakan salah satu inisiatif YWP dengan sokongan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan melanjutkan pengajian tanpa dibebani masalah kewangan.



PL terima peruntukan RM5 juta



MOHD SUKURAN merasmikan Trek Ekologi baharu di Taman Botani, Labuan.

TAMAN Botanikal lebih dikenali taman ekologi yang terletak berhampiran bandar utama Labuan akan dinaik taraf bermula tahun depan menerusi peruntukan bernilai RM5 juta.

Ia merupakan peruntukan yang telah diluluskan oleh Jabatan Landskap Negara bagi menaik taraf dan penambahbaikan kemudahan sedia ada di taman tersebut.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL), **Mohd Sukuran Taib**, peruntukan itu akan disalurkan kepada PL dan kerja-kerja penambahbaikan serta pengubahsuaian dijangka bermula pada tahun depan.

Katanya kerja-kerja penambahbaikan itu akan membolehkan kemudahan awam serta kerja-kerja pemuliharaan ekologi taman tersebut.

Skop pembangunan yang bakal dilaksanakan turut merangkumi gazebo, laluan pejalan kaki, bangunan akses utama serta penambahbaikan sistem pencahayaan.

"Peruntukan ini adalah

sebagai sebahagian usaha dalam meningkatkan daya tarikan taman ini.

"Ketika ini masih dalam proses pelantikan perunding bagi cadangan untuk pengisian pembangunan taman. Kita amat menghargai pemberian peruntukan ini yang akan membolehkan kita meningkatkan serta menambah baik infrastruktur taman," katanya.

Beliau berkata dengan kerja-kerja penambahbaikan di Taman Botani itu juga dapat memartabatkan nilai taman warisan yang dikenali sebagai Bumbung 12 merupakan bangunan kediaman rasmi gabenor era Inggeris yang telah dibina sekitar tahun 1852.

"Taman ini bukan sahaja sebagai kawasan rekreasi malah turut memiliki warisan yang bernilai. Kerja-kerja penambahbaikan yang bakal dilaksanakan nanti sudah tentunya memberikan manfaat kepada masyarakat terutama kepada generasi akan datang," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan,

Mohd Sukuran memaklumkan pihaknya telah berjaya menyiapkan Trek Ekologi baharu di Taman Botani yang kini telah mula dibuka kepada orang awam.

Katanya pembinaan trek baharu bermula Mac itu memiliki reka bentuk trek yang sesuai dengan aktiviti rekreasi terbuka serta menawarkan pengalaman serta alam sekitar yang mendamaikan kepada pengunjung.

"Kemudahan ini dibina berdasarkan pelbagai aspek keterangkuman untuk memastikan trek ini sesuai kepada semua golongan khususnya warga emas dan kanak-kanak yang mahu melakukan aktiviti mendaki."

"Projek ini juga adalah salah satu usaha PL untuk menambah baik infrastruktur taman ini sekali gus dapat memupuk kesedaran masyarakat terhadap penjagaan alam semula jadi."

"Kita berharap dengan adanya kemudahan rekreasi ini dapat memberikan manfaat kepada semua," katanya.





FADLUN (dua kanan) ketika meninjau Projek Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat Presint 8.

Projek pembinaan tempat letak kereta bertingkat

PPJ ATASI MASALAH PENDUDUK FASA 4B

SABRINA SABRE

ISU kekurangan tempat letak kenderaan yang sekian lama membelenggu penduduk Pangsapuri Fasa 4B, Presint 8 akhirnya menemui titik penyelesaian dengan siapnya Projek Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat yang mula dibina sejak 2021.

Projek yang mengambil masa dua tahun lima bulan untuk disiapkan itu kini menyediakan sebanyak 114 lot parkir kereta, termasuk lima lot khas untuk orang kurang upaya (OKU), serta 52 lot parkir motosikal, sekali gus memberi kelegaan besar kepada komuniti setempat yang sebelum ini terpaksa meletakkan kenderaan di bahu jalan dan laluan pejalan kaki.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPJ), **Datuk Fadlun Mak Ujud**, pembinaan fasiliti tersebut adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, khususnya golongan penjawat awam yang menetap di kuarters kerajaan.

"Objektif utama pembinaan adalah untuk menangani kekurangan ruang parkir bagi penduduk Fasa 4B dan mengelakkan limpahan kenderaan yang diletakkan di tepi-tepi jalan utama, sekali gus mengurangkan risiko keselamatan kepada pengguna jalan raya yang lain.

"Kemudahan ini bukan sekadar menyelesaikan isu ruang parkir,

malah menyumbang kepada penyusunan lalu lintas yang teratur dan suasana perumahan yang lebih selamat. Ini seiring dengan agenda pembangunan bandar pintar Putrajaya yang menekankan kecekapan dan kesejahteraan penduduk.

"Projek tersebut turut direka bentuk dengan ciri mesra OKU termasuk penyediaan *ramp* khas dan spesifikasi bangunan yang mematuhi Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) bagi memastikan kemudahan ini inklusif untuk semua golongan pengguna," katanya kepada Wilayahku.

Selain itu, beliau berkata cabaran pelaksanaan pula bukanlah sesuatu yang mudah apabila projek ini bermula ketika negara masih bergelut dengan pandemik COVID-19.

"Sekatan pergerakan ketika itu memberi kesan langsung kepada kelancaran proses pembinaan, namun projek tetap berjaya disempurnakan mengikut tempoh ditetapkan," katanya.

Menjawab pertanyaan mengenai potensi peluasan inisiatif ini ke presint lain, Fadlun berkata pihaknya selaku Agensi Pelaksana dan Penguasa Projek sentiasa komited untuk melaksanakan projek seumpama ini bergantung kepada peruntukan yang disediakan oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan.

"Projek seperti ini akan terus dipertimbangkan dan dilaksanakan berdasarkan keperluan semasa dan kemampuan bajet. Kita mahu pastikan setiap pembangunan benar-benar memberi manfaat kepada komuniti.

"Bagi memastikan kemudahan kekal berfungsi dengan baik, PPJ akan melantik Kontraktor Penyelenggaraan Bangunan dan bekerjasama rapat dengan Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) selaku pemilik bangunan untuk mengelakkan penyalahgunaan serta memastikan aspek penyelenggaraan dilaksanakan secara berkala," katanya.

Tambah beliau mengenai caj penggunaan kemudahan, perkara tersebut akan ditentukan oleh BPH dan tertakluk kepada dasar yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

"Dalam jangka panjang, projek ini dijangka memberi impak besar dari sudut kesejahteraan, keselamatan dan kesejahteraan penduduk, selain meningkatkan imej kawasan perumahan.

"Kami berharap kemudahan ini akan menjadi penyelesaian kekal dan memberi nilai tambah kepada kehidupan harian penduduk di Presint 8," katanya.

Projek ini menjadi satu lagi contoh keberhasilan inisiatif kerajaan dalam memenuhi keperluan rakyat secara berfokus, inklusif dan lestari. 

Penghuni lega

KEWUJUDAN kemudahan tempat letak kereta bertingkat yang baharu bukan sahaja memberi keselesaan kepada penduduk Pangsapuri Fasa 4B Presint 8, bahkan meringankan beban mereka yang sebelum ini terpaksa meletakkan kenderaan jauh dari kediaman.

Bagi **Lokhana Lokman**, 54, yang telah menetap di kawasan itu selama 24 tahun, masalah parkir mula timbul apabila jumlah penduduk semakin bertambah saban tahun.

"Pada awal-awal tinggal dulu, masalah parkir tak timbul. Tapi bila penghuni makin ramai, memang susah nak cari parkir," katanya kepada Wilayahku.

Menurut suri rumah berkenaan, kemudahan yang baru siap itu dilihat sangat membantu, khususnya kepada dirinya dan suami yang mengalami masalah lutut kronik.

"Memang memudahkan saya dan suami sebab kami ada masalah lutut dan susah nak naik tangga. Sekarang dah lebih dekat dan senang," katanya yang turut merakamkan penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

Bagi **Mohd Nazeri Mahzan**, 58, yang telah menetap di Putrajaya sejak 2002, masalah parkir bukanlah isu baharu dan telah lama dirasai di kebanyakan kawasan pangsapuri di wilayah itu.

"Masalah parkir bukan hanya di Fasa 4B, tapi hampir semua kawasan pangsapuri di Putrajaya. Jadi apabila ada parkir bertingkat ini, ia memang banyak membantu," katanya.

Tambah beliau reka bentuk yang luas serta penyediaan lif memberi manfaat besar khususnya kepada penduduk Blok B dan C.

"Dengan adanya lif dan banyak lot parkir, memang sangat memudahkan. Sekarang pergerakan kenderaan juga lebih lancar dan kita tak perlu lagi buang masa cari parkir setiap hari," katanya yang turut memuji usaha kerajaan yang dilihat prihatin terhadap keperluan penduduk dengan menyediakan infrastruktur yang bersesuaian.

Dalam pada itu, Mohd Nazeri berharap semua penduduk dapat menggunakan kemudahan tersebut secara berhemah dan bertimbang rasa.

"Gunalah kemudahan ini sebaiknya. Jangan lagi parkir sembarangan di tepi jalan kerana itu menyusahkan pergerakan keluar masuk kenderaan," katanya.

Seorang lagi penduduk, **Nur Arfah Razak**, 32, menyifatkan usaha kerajaan ini sebagai bukti keprihatinan terhadap kebajikan penjawat awam yang menetap di kuarters berkenaan.

"Ramai yang duduk di sini adalah kakitangan kerajaan, dan ada yang sudah bertahun-tahun berkhidmat. Dengan adanya parkir bertingkat ini, ia memberi motivasi dan rasa dihargai kepada kami," katanya.

Menurutnya pembinaan struktur bertingkat tersebut bukan sahaja menyelesaikan isu ruang, tetapi turut meningkatkan imej kawasan perumahan.

"Struktur bertingkat ini dibina dengan reka bentuk moden dan sesuai dengan persekitaran Putrajaya. Ia menjadikan kawasan ini kelihatan lebih tersusun dan profesional, berbeza dengan sebelum ini yang agak sesak dan tidak teratur," kata penjawat awam itu.

Sementara itu, **Nazri Osman**, 53, menyifatkan projek ini sebagai pelengkap kepada keperluan infrastruktur kediaman di Presint 8 yang terus berkembang.

"Putrajaya adalah bandar moden yang seharusnya menyediakan kemudahan yang setara. Kemudahan parkir ini bukan sahaja menyelesaikan isu semasa, tetapi juga bersifat jangka panjang bagi menampung keperluan masa hadapan.

"Dengan siapnya projek ini, warga kuarters Pangsapuri Fasa 4B bukan sahaja menikmati ruang parkir lebih luas dan selamat, malah dapat hidup dalam persekitaran yang lebih teratur seiring dengan aspirasi Putrajaya sebagai bandar dalam taman yang moden dan berdaya huni," katanya.

Majlis penyerahan rasmi projek telah disempurnakan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya (PPJ), Datuk Fadlun Mak Ujud, baru-baru ini. 



LOKHANA



MOHD NAZERI



NUR ARFAH



NAZRI

Edisi sulung tarik penyertaan 144 peserta

CADANG BINA FASILITI KHAS

SABRINA SABRE

EDISI pertama Kejohanan Pickleball Terbuka Putrajaya 2025 melabuhkan tirainya dengan sambutan menggalakkan menerusi penyertaan seramai 144 orang peserta.

Dianjurkan Persatuan Pickleball Putrajaya (PUPA), kejohanan yang berlangsung selama dua hari di Dewan Pusat Kejurangan Presint 11 pada 14 dan 15 Jun lalu itu mempertandingkan empat kategori utama iaitu beregu lelaki terbuka, beregu perempuan terbuka, beregu campuran terbuka dan beregu campuran masters 45 tahun ke atas.

Bukan sekadar medan pertandingan, program turut diserikan dengan pelbagai aktiviti seperti Klinik Pengenalan Pickleball, Sesi Percubaan serta Kelas Junior Sang Putra yang menyasarkan pemain cilik, dalam usaha memasyarakatkan sukan raket yang semakin mendapat tempat di peringkat global.

Menurut Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Wilayah Putrajaya, **Datuk Ahmad Faisal Abd Karim**, penganjuran ini berpotensi menjadi pemangkin kepada pembangunan sukan pickleball di Putrajaya.

"Pickleball adalah sukan yang menarik. Klinik Pengenalan yang dianjurkan amat baik untuk

memperluaskan penglibatan komuniti. MPP Putrajaya terbuka untuk bekerjasama memperluaskan sukan ini ke presint-presint lain," katanya.

Sementara itu, Penaung PUPA, Datuk Seri Hasim Ismail menyifatkan sudah tiba masanya Putrajaya memiliki fasiliti khas untuk sukan tersebut.

"Jika sukan ini wujud pada zaman saya, pasti saya sudah lama bermain. Walaupun fasiliti khas belum bersedia, saya yakin dengan usaha bersama dan sokongan tajaan, gelanggang tetap boleh dibangunkan di Putrajaya," katanya.

Turut senada, Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh menyatakan komitmen pihaknya untuk menyokong perkembangan sukan tersebut yang berpotensi untuk dipertandingkan dalam temasya SUKMA akan datang.

Pegawai Belia dan Sukan Putrajaya, Nik Mohd Fitra Wan Jaafar pula berkata Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa membuka ruang sokongan kepada NGO sukan menerusi dana komuniti dan geran padanan.

"Program seperti ini selaras dengan hasrat memperkasakan sukan di peringkat akar umbi,"



SEKITAR Kejohanan Pickleball Putrajaya 2025.

katanya.

Presiden PUPA, Amir Farid Abdul Majid menzahirkan penghargaan atas kerjasama semua pihak menjayakan kejohanan sulung ini.

"Walaupun kita masih belum mempunyai gelanggang khas, sambutan ini membuktikan potensi besar pickleball di Putrajaya. Kami

berharap edisi akan datang dapat dianjurkan di gelanggang khusus yang lebih kondusif," katanya.

Kejohanan ini turut mendapat sokongan penaja antaranya KBS, Felet International Holdings Sdn Bhd, Stella Kasih Medical Centre, Nestle (M) Berhad, The Vida World Sdn Bhd (Vida Water Malaysia), Media KeyGroup Sdn

Bhd dan Ombak Exclusive.

Penganjuran edisi sulung ini bukan sahaja menjadi pencetus kepada pembangunan sukan pickleball di Putrajaya, malah membuka ruang kepada perancangan fasiliti kekal serta program pembangunan sukan komuniti yang inklusif dan berimpak tinggi. 

Perlu bijak urus pertikaian

SEBARANG pertikaian dalam kalangan persatuan sukan kebangsaan perlu ditangani secara berkesan di peringkat dalaman tanpa bergantung kepada campur tangan pihak luar, selagi proses dan tatacara pengurusan dipatuhi dengan baik.

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berkata sebanyak 75 kes telah diterima oleh Jawatankuasa Pertikaian Sukan (JKPS) sepanjang tahun lalu, namun hanya sebilangan kecil memerlukan rujukan rasmi kerana kebanyakannya boleh diselesaikan sendiri oleh persatuan sekiranya pentadbiran dalaman lebih teratur dan memahami prosedur yang betul.

"Jika memegang peranan sebagai pentadbir sukan dalam persatuan, perlu lebih peka dan memahami proses. Jangan sampai satu ahli jawatankuasa pergi ke Pejabat Pesuruhjaya Sukan, satu lagi ke pejabat Menteri, seorang lagi ke pejabat Ketua Setiausaha KBS.

"Ini situasi berulang yang sering kami hadapi. Ramai ahli jawatankuasa



HANNAH (duduk, tengah) bersama ahli-ahli baharu JKPS 2025.

tidak tahu hala tuju dan prosedur," katanya.

JKPS yang ditubuhkan pada 2023 berperanan mendengar dan memberi pandangan terhadap pertikaian dalaman badan sukan serta menyelesaikan aduan yang dirujuk oleh ahli-ahli badan sukan berdaftar.

Ia turut berfungsi mengenal pasti serta mencadangkan langkah penyelesaian pertikaian secara efektif.

Dalam perkembangan berkaitan, Hannah memaklumkan bahawa bekas Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Low Beng Choo akan terus mempengerusikan JKPS untuk tempoh dua tahun lagi bermula 1 Mei 2025 hingga 30 April 2027.

Selain mengekalkan keanggotaan peguam Profesor Dr Jady@ Zaidi Hassim, JKPS turut menyenaraikan tiga

ahli baharu iaitu Datuk Rajasekaran Murugiah (peguam); bekas atlet berbasikal dan triathlon, Kimbeley Yap-Chelliah dan bekas jaguh ekuestrian negara, Mohd Qabil Ambak Mahamad Fathil.

Sementara itu, Beng Choo memaklumkan hanya 14 daripada 75 kes yang diterima pada 2023 dirujuk secara rasmi kepada JKPS dan hanya dua daripadanya melalui proses pendengaran penuh. 

Sasar lolos Piala Asia

KETUA jurulatih skuad bola sepak wanita kebangsaan, Joel Cornelli mengekalkan lebih 90 peratus pemain sedia ada bagi menggalas cabaran dalam pusingan Kelayakan Piala Asia Wanita 2026 yang akan berlangsung di Dushanbe, Tajikistan dari 29 Jun hingga 5 Julai ini.

Menurut Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Cornelli menyenaraikan semula 21 daripada 23 pemain yang beraksi pada kejohanan Tri Nations di Thimphu, Bhutan awal bulan ini sebagai persediaan menghadapi saingan Kumpulan H kelayakan tersebut.

Antara nama yang terus diberi kepercayaan termasuk penyerang utama negara, Intan Sarah Anisah Zulgaflil; pertahanan berpengalaman, Steffi Sarge Kaur serta penjaga gol utama, Nurul Azurin Mazlan.

Dua muka baharu turut diserap ke dalam skuad kali ini iaitu penjaga gol skuad Bawah 19 Tahun (B-19) Malayan Tigress, Daliae Eliesa dan penyerang, Henrietta Justine.

"Skuad kebangsaan dijadual beraksi dalam dua perlawanan antarabangsa Tier 1 bertemu Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 18 dan 22 Jun di Dubai sebelum berlepas ke Tajikistan bagi menghadapi saingan Kelayakan Piala Asia Wanita 2026," katanya dalam kenyataan.

Malaysia yang diundi dalam Kumpulan H akan memulakan kempen menentang Palestin pada 29 Jun, diikuti aksi bertemu Tajikistan (3 Julai) dan akhirnya menentang Korea Utara (5 Julai). Semua perlawanan akan berlangsung di Stadium Central, Dushanbe.

Hanya lapan juara kumpulan akan melayakkan diri ke pusingan akhir yang dijadual berlangsung di Australia pada Mac 2026, bersama empat pasukan terbaik benua iaitu Australia, China, Korea Selatan dan Jepun yang layak secara automatik.

Kali terakhir skuad wanita negara layak ke Piala Asia Wanita adalah pada 1995 ketika menjadi tuan rumah. Pencapaian terbaik Malaysia pula direkodkan pada edisi 1983 di Thailand apabila berjaya meraih tempat ketiga. 

KL PUSAT SENI, BUDAYA SERANTAU

SERIMAH SALLEHUDDIN

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Istana Budaya dan Malaysian Philharmonic Orchestra (MPO) bagi memperkukuh sektor seni dan budaya serta mempelbagaikan pengalaman pelancong yang berkunjung ke ibu negara.

Langkah itu juga selaras dengan inisiatif Warisan Kuala Lumpur yang bertujuan menghidupkan semula Kuala Lumpur sebagai hab kreatif yang aktif, meriah dan penuh daya tarikan.

Melalui MoU itu pelbagai program utama akan dilaksanakan, termasuk Festival Orkestra Kuala Lumpur (FOKL) yang mengukuhkan kedudukan Kuala Lumpur sebagai pusat seni dan budaya di peringkat serantau.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata objektif FOKL adalah untuk merakyatkan seni muzik orkestra serta mengubah stigma masyarakat yang sering menganggap orkestra adalah muzik golongan atasan.

"Saya ingin mengubah persepsi masyarakat bahawa orkestra bukan hanya untuk orang berada tetapi kita ingin merakyatkan seni muzik itu supaya dapat dinikmati segenap lapisan masyarakat di ibu kota Kuala Lumpur ini. Oleh sebab itu banyak program yang bakal dianjurkan nanti ditawarkan secara percuma.

"Bukan hanya muzik tetapi kita juga akan menganjurkan dialog serta latihan muzik bagi mereka yang berminat terutama sekali untuk golongan muda," katanya yang ditemui pada Majlis Menandatangani MoU berkenaan baru-baru ini.

FOKL bukan sahaja memperkasakan



PERSEMBAHAN orkestra akan menjadi acara tahunan anjuran DBKL bagi mengangkat seni muzik orkestra tempatan.

pembangunan bakat muzik, malah turut menggalakkan penyertaan aktif masyarakat dalam kegiatan seni budaya yang inklusif, memberi impak dan bertaraf antarabangsa.

Selain itu, DBKL turut menjalin kerjasama dengan Tokyo Symphony Orchestra bagi membimbing Orkestra Belia Kuala Lumpur sebagai satu lagi usaha membina potensi generasi muda.

Sebagai pengisian yang bersifat ilmiah, DBKL menganjurkan Orchestra Festival

Forum yang menjadi ruang perkongsian ilmu, kepakaran dan pengalaman, bagi membina ekosistem orkestra yang kukuh dan mampan di Malaysia.

Generasi muda tidak hanya diberi peluang untuk menjadi pemuzik berbakat, tetapi juga diasah keyakinan diri dan kreativiti agar mereka mampu menyumbang secara aktif kepada pembangunan seni negara.

FOKL juga menurut Maimunah bakal menjadi salah program tahunan DBKL untuk

mengangkat seni muzik orkestra tempatan ke tahap lebih tinggi.

Kerjasama ini juga memperkukuh peranan Kuala Lumpur di peringkat antarabangsa, terutamanya pada tahun ini di mana Malaysia mempengerusikan persidangan ASEAN dan pada masa yang sama dalam persiapan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026.

Selaras dengan hasrat menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar yang sejahtera dan disayangi, pelbagai inisiatif dilaksanakan untuk memastikan keterangkuman dan akses yang adil.

Antaranya penganjuran konsert amal bagi menyokong Persatuan Orang Buta Malaysia serta penyediaan tempat duduk khas bagi individu kurang upaya di setiap konsert.

Sebanyak 70% tempat bagi penonton konsert juga akan dibuka secara percuma kepada orang ramai, agar lebih ramai warga kota dapat menikmati seni dan budaya tanpa mengira latar belakang.

Keseluruhan pendekatan ini disokong oleh model kerjasama 4P – *Public, Private, People, Partnership* yang memberi tumpuan kepada keterlibatan pelbagai pihak demi menjamin impak jangka panjang dan rasa pemilikan bersama oleh komuniti.

"DBKL berharap kerjasama ini bukan saja mampu memperkukuh industri seni dan budaya tempatan, malah turut membawa manfaat besar kepada warga Kuala Lumpur.

"Dengan sokongan semua pihak, DBKL percaya bandar ini mampu terus berkembang sebagai sebuah kota yang penuh dengan semangat, kreativiti dan rasa cinta kepada warisan dan budaya," katanya.

'Sedih dengan tragedi menimpa pelajar UPSI'

PENYANYI dan pelakon **Baby Shima** akui masih terkesan dan sedih dengan tragedi nahas di Gerik sehingga meragut nyawa 15 pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), baru-baru ini.

Bagi pelantun lagu Roadblock Hatiku dan Bujang Sarawak ini, apa yang dilalui, khususnya ahli keluarga mangsa, bukanlah sesuatu yang mudah untuk diungkapkan.

"Pertama sekali saya nak ucap takziah buat keluarga mereka yang terlibat dalam kemalangan itu. Kalau saya sehingga ke hari ini rasa terkesan dan sedih dengan tragedi itu, bagaimana agaknya ahli keluarga mangsa? Tak boleh nak bayangkan.

"Saya harap mereka terus kuat, tabah dalam menghadapi dugaan besar ini dan segala urusan dipermudah.

"Saya tahu, ia tidak semudah yang diucapkan. Memang perit rasa apabila kehilangan orang tersayang, tambah pula selepas Aidiladha," katanya.

Dalam pada itu, Shima berharap masyarakat mengambil iktibar dengan apa yang berlaku terutamanya pemandu kenderaan komersial seperti bas dan lori.

"Apa yang berlaku menjadi pengajaran buat semua.

"Buat semua pemandu, sentiasalah berhemah dalam memandu. Berhemah ini termasuk mempunyai sikap yang baik dalam memandu dan tahu bagaimana hendak mencegah kemalangan.

"Misalnya, kalau dah tahu memandu dengan laju boleh menyebabkan kemalangan. Jadi, janganlah buat. Nak laju sangat, nak kejar apa? Ingat, nyawa lebih penting.

"Dalam masa yang sama, berhemah yang saya maksudkan

juga adalah merancang sebelum membuat perjalanan.

"Kalau dah tahu, nak kena sampai awal ke destinasi, geraklah awal. Barulah tak kelam kabut. Satu lagi, kalau dia rasa dirinya jenis mudah mengantuk, dapatkan tidur secukupnya atau berehat di hentian untuk segarkan diri semula," katanya.

Shima juga mengingatkan para pemandu agar menggunakan telefon sesuai dengan situasi. Baginya, 'kegilaan' ramai masa kini terhadap telefon turut menjadi punca kemalangan.

"Saya merayu, tolonglah jangan main telefon apabila memandu. Kalau ada hal penting, selesaikan siap-siap atau berhenti di lokasi yang sesuai.

"Sedih saya apabila ada kes kemalangan disebabkan main telefon. Lupakanlah media sosial dan elakkan membuat panggilan ketika sedang memandu.

"Hanya disebabkan main telefon, akhirnya kemalangan melibatkan banyak pihak. Paling sedih, yang tidak bersalah turut menjadi mangsa. Jangan pentingkan diri. Patuhi undang-undang jalan raya. Ingat nyawa kita dan nyawa orang lain.

"Kalaulah semua orang berhemah dalam pemanduan, saya yakin kemalangan boleh dikurangkan," katanya.

